



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENERANGAN DARIPADA MENTERI:

**Konspirasi Menggulingkan Ketua Menteri Sarawak Secara Kekerasan
[Ruangan 5077]**

ATURAN URUSAN MESYUARAT:

**Rang Undang-undang ditangguhkan Bacaan Kali Kedua ke Mesyuarat akan
datang [Ruangan 5083]**

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 5084]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan [Ruangan 5108]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang,
Insurans dan Takaful (Pindaan) [Ruangan 5109]**

Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan) [Ruangan 5144]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.H.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N, (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wjlayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUODIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.s.i. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat),
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW. D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (BetOHg).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus),
 „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
 „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SJENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.j.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., PJ.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMBD YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM. D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG. A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ THE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazalt bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P, B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 4hb Julai, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENERANGAN DARIPADA
MENTERI**

**Konspirasi Menggulingkan Ketua
Menteri Sarawak Secara Kekerasan**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, isu tentang penahanan beberapa orang dari Negeri Sarawak di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 baru-baru ini telah dibangkitkan dalam persidangan Dewan pada kali ini. Sehubungan dengan ini, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menjelaskan tentang peristiwa yang membawa kepada penahanan orang-orang yang terlibat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tangkapan dan penahanan mereka telah dibuat berikutan dengan adanya satu konspirasi untuk menggulingkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak secara kekerasan dan di luar lunas-lunas Perlembagaan.

Konspirasi tersebut yang pada mulanya berpunca dari perselisihan peribadi antara pemimpin-pemimpin utama politik Sarawak, telah kemudiannya membabitkan beberapa tokoh lain. Pergolakan yang membawa kepada pesengketaan politik ini telah menjadi hangat dengan wujudnya satu rancangan untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadap Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul

Taib bin Mahmud sebagai Ketua Menteri di Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Dalam hal ini melalui apa yang digelar "Peristiwa Ming Court Kuala Lumpur", pada 9hb Mac, 1987 sekumpulan 27 orang Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak telah membuat kenyataan, di atas nama "Kumpulan Bersatu" bahawa mereka telah hilang kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud. Walau bagaimanapun rancangan mereka tidak berhasil apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan pada 10hb Mac, 1987 dan pilihanraya Negeri diadakan pada 15hb dan 16hb April, 1987. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam pilihanraya tersebut Barisan Nasional telah memenangi 28 dari 48 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan. Kumpulan Bersatu pula yang ketika itu telah dikenali sebagai Kumpulan MAJU memenangi 20 kerusi iaitu 15 oleh calon Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) dan 5 lagi oleh calon Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak atau PERMAS.

Selain daripada penggunaan landasan politik rancangan untuk mencetuskan keadaan huru hara dan kacau bilau di Sarawak juga dilaksanakan. Satu kumpulan yang dikenali sebagai "Kumpulan Berani Mati" atau "Suicide Squad" telah ditugaskan untuk melakukan pembakaran, letupan bom, dan beberapa tindakan pengkhianatan. Kumpulan ini dianggotai oleh beberapa orang dari suku

kaum Bidayuh tetapi pendalangnya adalah tokoh-tokoh PERMAS dari suku kaum Melayu atau Malanau. Ekorannya antara 6hb April, 1987 hingga 5hb Mei, 1987 sebanyak lapan insiden telah dicituskan di Serian dan Kuching. Bagi memastikan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri Sarawak terpelihara, pihak Polis telah melancarkan satu operasi di antara 8hb Mei, 1987 hingga 24hb Mei, 1987 dan menangkap seramai 16 orang yang disyaki terlibat. Tindakan tersebut telah dapat meredakan suasana seketika.

Sungguhpun pada zahirnya keadaan pada ketika itu telah dapat diredakan tetapi penentangan dan rasa tidak puas hati pemimpin-pemimpin Melayu, khususnya tokoh-tokoh utama PERMAS dan Persatuan Melayu Sarawak atau PMS, terus berlaku. Mereka menganggap Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud mengamalkan "nepotism", pendendam dan mementingkan kaum Malanau serta terlalu memberi muka kepada kaum Cina. Sementara orang-orang Melayu pula, menurut mereka, ditindas. Tokoh-tokoh tersebut telah menubuhkan satu "Task Force" sebaik sahaja Pilihanraya Negeri April 1987 selesai untuk merancang dan menyelaras langkah-langkah bagi menentang Kerajaan Negeri Sarawak. Satu pakatan sulit bagi melaksanakan rancangan menggulingkan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud sebagai Ketua Menteri Sarawak, secara kekerasan telah diwujudkan.

Dalam perjumpaan yang diadakan oleh pakatan sulit tersebut pada bulan Jun/Julai, 1987 persetujuan telah dibuat untuk membahagi-bahagikan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan di kalangan anggota-anggota pakatan itu termasuklah mendapatkan bahan letupan dan senjata. Seterusnya

pakatan sulit ini telah membuat rancangan tindakan-tindakan berikut:

- (a) menimbulkan suasana kebencian orang-orang Melayu, terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud melalui penyebaran risalah-risalah dan surat-surat layang yang menonjolkan apa yang dikatakan kelemahan-kelemahan pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak dan perkara-perkara yang boleh membakar semangat perkauman Melayu—Cina.
- (b) Melakukan insiden-insiden pembakaran di sekitar Bandaraya Kuching menjelang perayaan ulangtahun Ke 25 Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia.
- (c) Melakukan insiden-insiden pengeboman terhadap sasaran-sasaran penting dan strategik di sekitar Bandaraya Kuching menjelang perayaan ulangtahun Ke 25 Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia.
- (d) Membunuh Y.A.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud secepat mungkin pada waktu yang sesuai dengan cara meletupkan kereta yang dinaikinya atau mengebom rumah beliau dengan menggunakan kapal terbang mainan kawalan jarak jauh (remote control toy plane), dengan izin, atau menembak beliau.

Bagi mencapai tujuan tersebut, anggota-anggota pakatan sulit ini telah membuat tinjauan dan mengenal pasti beberapa sasaran penting dan strategik di sekitar Bandaraya Kuching. Ini termasuklah jambatan gantung Jalan Satok, jambatan Santubong dan Bangunan Civic Centre, Kuching. Mereka juga telah mengumpulkan bahan-bahan letupan seperti bom tangan, "plastic explosives", dengan

izin, dan "dynamite", dengan izin, di samping mendapatkan beberapa pucuk senjatapi berupa pistol dan Self Loading Rifle (SLR), dengan izin. Dalam hal ini, sepucuk revolver .38 Smith & Wesson, sepucuk pistol automatic .22, dengan izin, dan selaras Weatherby authomatic shotgun, dengan izin, dan sejumlah yang agak besar peluru-peluru berbagai jenis yang telah dimiliki secara haram juga dijumpai.

Di antara 28hb April, 1988 hingga 7hb Jun, 1988, sebanyak 25 insiden kebakaran telah dilakukan yang melibatkan bangunan-bangunan Kerajaan dan swasta termasuklah bangunan-bangunan komersial, rumah kediaman, gudang, hotel dan tempat-tempat hiburan awam di sekitar Bandaraya Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan tegang yang wujud ketika itu, pihak polis telah bertindak tegas dengan melancarkan satu operasi tangkapan yang dimulakan pada 23hb Jun, 1988 hingga 20hb September, 1988. Dalam gerakan tersebut seramai sebelas orang telah ditangkap dan ditahan di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tindakan tegas pihak polis itu telah berjaya bukan sahaja membendung dari merebaknya kegiatan-kegiatan keganasan seperti yang telah dirancang oleh pakatan sulit tersebut maiahan, telah berjaya meredakan keadaan ketegangan di kalangan masyarakat tempatan. Keadaan cemas dan huru--hara yang hendak diwujudkan oleh kumpulan ini telah dapat diredakan. Dengan itu juga ianya telah dapat mengelakkan kerosakan-kerosakan harta benda serta kemungkinan besar kehilangan nyawa orang-orang awam yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari siasatan pihak Polis terhadap orang-orang ditangkap itu sesungguhnya

mendedahkan matlamat dan tujuan pakatan sulit tersebut seperti yang telah saya terangkan tadi. Siasatan Polis juga menunjukkan betapa bersungguhnyanya anggota-anggota kumpulan ini dalam melaksanakan rancangan-rancangan mereka.

Daripada sebelas orang yang ditangkap, sembilan orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, sementara dua orang yang lainnya telah dibebaskan tanpa syarat. Dua daripada sembilan orang dikenakan Perintah Tahanan itu telah pun kemudiannya dibebaskan di bawah Penggantungan Perintah Tahanan atau, dengan izin, Suspended Order of Detention.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menegaskan sekali Lagi bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak mengikut lunas undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang melakukan kegiatan-kegiatan dan tindakan-tindakan yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara, lebih-lebih lagi kegiatan-kegiatan dan tindakan-tindakan kekerasan di luar Perlembagaan, demi mengekalkan suasana keamanan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan selama ini, telah dapat memulihkan dan memelihara suasana keharmonian dan kestabilan dalam negara. Suasana ini adalah amat penting untuk membolehkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri meneruskan usaha-usaha ke arah meninggikan taraf hidup rakyat jelata berjalan dengan lancar. Bagi Negeri Sarawak khususnya, berikutan dari langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung dengan konspirasi sepertimana yang telah saya huraikan maka suasana di Sarawak sekarang ini telah pun pulih seperti sediakala. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa baru sekarang selepas satu tahun, kalau saya tidak silap, operasi ini dijalankan barulah satu kenyataan dibuat selepas ada perkara ini disoalkan—kenapa satu tahun baru dikeluarkan kenyataan? Dan kedua, kalau mengikut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pihak Polis ada bukti-bukti, ada senjata, adapistol dan lain-lain, kenapa mereka tidak dibawa ke mahkamah di bawah Akta-akta supaya satu perbicaraan diadakan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara yang berlaku di Sarawak ini merupakan pertelingkahan peribadi politik dan ia bukan menyeluruh dan melibatkan bukanlah begitu ramai sepertimana "Operasi Lalang" dan untuk Polis mendapatkan bukti-bukti mengambil masa yang begitu lama daripada pihak-pihak yang disyaki, maka itulah sebabnya kita mengambil masa yang lama untuk membentangkan penerangan ini di Parlimen.

Perkara yang kedua yang seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, pihak Kementerian merasakan bahawa apa yang telah berlaku adalah sesuai sekali diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DITANGGOHKAN BACAAN KALI KEDUA KE MESYUARAT AKAN DATANG

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 62 daripada Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini dan meminta supaya Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) yang tertera sebagai perkara 4 dalam Aturan

Urusan Mesyuarat untuk hari ini ditangguhkan peringkat Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiganya ke mesyuarat akan datang Majlis ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baiklah.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara

dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (3hb Julai, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sambung semula.

2.46ptg.

Timblan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat dari Marang ada menyebutkan dua perkara dan saya ingin sekarang menambah sedikit jawapan saya.

Yang Berhormat telah mengatakan peratusan eksport negara yang tinggi ke Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun dan ianya melebihi dari 70% dari jumlah keseluruhan eksport negara. Beliau selanjutnya meminta saya beberapakah peratusan sebenar eksport Malaysia ke negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini secara sepintas lalu dalam ucapan saya semalam, saya sekali lagi ingin mengesahkan bahawa jumlah peratusan eksport Malaysia ke negara-negara tersebut adalah dalam lingkungan 50% dan ianya adalah angka yang sebenarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pecahan lanjut angka-angka tersebut adalah seperti berikut:

Kawasan Pasaran/ Negara	1987		1988	
	Nilai (M\$ juta)	Pera- tusan	Nilai (M\$ juta)	Pera- tusan
Jepun ..	8,824.0	20.4	9,540.7	17.2
Amerika Syarikat	7,484.4	17.5	9,613.0	17.3
EEC ..	6,433.0	13.9	7,989.9	14.4
	22,741.4	51.8	27,143.6	48.9

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan juga peranan yang dimainkan oleh firma-firma tempatan yang sekadar menampung pelabur-pelabur asing. Ini pada pandangan beliau hanya sekadar untuk memenuhi kuota sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa peranan-peranan palabur-pelabur tempatan hanyalah sekadar memenuhi kuota sahaja. Pelaburan daripada sumber tempatan sejak negara ini memulakan pembangunan perindustrian adalah dianggap penting dan telah banyak memberi sumbangan.

Pada akhir tahun 1988, pelaburan dari sumber tempatan adalah sebanyak \$4,353.1 juta berbanding dengan \$1,724.2 juta bagi tahun 1987. Ini merupakan pertambahan 152%. Trend ini didapati sealiran dengan pertambahan di dalam pelaburan asing. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum Kerajaan tidak mengamalkan dasar diskriminasi berhubung dengan penggalakan pelaburan. Kedua-dua pelabur tempatan dan asing telah diberi layanan yang sama dari segi kelulusan perlesenan dan juga pemberian galakan cukai. Segala usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menggalakan lebih banyak pelaburan adalah juga disasarkan atau target kepada pelaburan-pelaburan tempatan dan bukan sahaja untuk pelaburan asing,

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini penubuhan Pasaran Tunggal Eropah oleh EEC pada tahun 1992 adalah pada asasnya didorong oleh kepentingan negara-negara anggotanya. Ianya mempunyai kedua-dua kesan positif dan negatif ke atas ekonomi dan perdagangan dunia. Kesan positif yang dijangkakan adalah jumlah permintaan yang meningkat akibat daripada pertumbuhan ekonomi yang

dihasilkan oleh suasana perdagangan yang bebas di kalangan negara-negara kesatuan tersebut. Walau bagaimanapun, apa yang dikhuatiri oleh negara-negara yang berdagang dengan EEC adalah penubuhan Pasaran Tunggal itu akan menimbulkan berbagai rintangan yang baru akibat daripada keperluan untuk memenuhi kepentingan-kepentingan tertentu anggota-anggota kesatuan ini. Adalah penting bagi pihak Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan usaha-usaha yang dibuat ke arah mewujudkan Pasaran Tunggal Eropah itu. Selaras dengan itu sektor swasta di Malaysia perlu bersedia menghadapi perubahan-perubahan yang akan berlaku selepas 1992. Walau apa pun akibatnya daripada penubuhan Pasaran Tunggal Eropah itu tindakan yang diperlukan dari sektor swasta di Malaysia adalah peningkatan daya samgan mereka melalui berbagai. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Kok Wee Kiat: Nanti boleh saya habiskan ayat itu. Swasta di Malaysia adalah peningkatan daya saingan mereka melalui berbagai strategi umpamanya peningkatan mutu, penetapan harga yang sesuai, penghantaran yang cepat, memperbagaikan pilihan pengubahsuaian barangan, promosi yang lebih agresif dan sebagainya. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah persediaan-persediaan yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi apabila wujudnya Pasaran Tunggal Eropah pada suatu ketika kelak. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta Yang Berhormat sabar sedikit. Saya belum menjawab dengan sepenuhnya perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini adalah masih terlalu awal untuk mengenalpasti dengan tepat apakah sektor-sektor yang dapat meraih faedah yang lebih atau akan terjejas akibat daripada perkembangan dengan EEC itu. Kajian ke atasnya akan terus dilakukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama berbagai pihak termasuk sektor swasta. Di samping itu Kerajaan akan terus berusaha di peringkat antarabangsa dan bekerjasama dengan negara-negara yang lain bagi menenulkan bahawa di dalam usahanya untuk mewujudkan Pasaran Tunggal itu, pihak EEC tidak akan mengeneipkan obligasinya terhadap perjanjian am mengenai tarif dan perdagangan atau GAT dan menentukan peraturan-peraturan yang digubal menjelang 1992 tidak bercanggah dengan asas-asas perdagangan bebas dan undang-undang GAT. Di peringkat dua hala Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa berbincang dengan rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara Eropah sentiasa membangkitkan persoalan kesan-kesan ke atas eksport negara kita ke Eropah selepas 1992.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga telah menyatakan kerisauan beliau mengenai kemungkinan EEC memberi keutamaannya kepada anggota-anggota EEC sahaja dalam bidang pelaburan dan membelakangkan negara-negara ASEAN. Untuk menjawabnya sukalah saya menyatakan bahawa pada ketika ini adalah masih awal untuk mengetahui implikasi-implikasi Pasaran Tunggal

Eropah pada tahun 1992 terutamanya sama ada ini akan menjejaskan pelaburan daripada ahli negara-negara EEC ke dalam negara-negara ASEAN. Walaupun ini berlaku kesannya . . .

Dr Abdul Hadi bin Deran: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

Dato' Kok Wee Kiat: Oh! Maaf. Belum habis, Bolehkah saya jawab itu dulu?

Walaupun ini berlaku kesan-kesannya dianggap tidak begitu buruk kerana faktor-faktor yang telah menarik pelaburan dari EEC ke dalam negara-negara ASEAN, misalnya terdapatnya bahan-bahan mentah, penembusan pasaran-pasaran di-rantau Asia serta gunatenaga yang secara banding lebih murah akan terus menarik pelaburan ke dalam rantau ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua pertanyaan. Pertamanya, walaupun pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang berusaha untuk menentukan bagaimana penubuhan Pasaran Tunggal ini akan mempunyai kesan terhadap pengeksportan barangan daripada negara ini, walaupun ada usaha-usaha, saya ingin tahu sama ada pihak Kerajaan atau Kementerian menyampaikan maklumat-maklumat tentang perkembangan tersebut kepada pihak swasta yang akan terlibat di dalam pengeksportan barangan mereka.

Yang keduanya, saya rasa tidaklah begitu bijak kalau kita hanya menunggu sehingga semuanya telah terjadi. Janganlah kita terlambat sehingga segala rejim ataupun tarif baru yang akan dilaksanakan oleh Pasaran Tunggal EEC itu akan dikuatkuasakan sebab pada masa itu maka di dalam apa rundingan pun

bargaining power kita adalah sedikit sekali dan kita mungkin terjejas dari segi keutamaan dan kemudahan. Jadi apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyuarakan dan berunding dengan begitu tegas dan kuat supaya kepentingan kita tidak begitu terjejas ataupun kepentingan kita akan dilindungi di dalam Pasaran Tunggal yang akan datang.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pendeknya jawapan saya untuk kedua-dua pertanyaan itupun ada. Kementerian saya ada dari masa ke masa memberi maklumat-maklumat yang sesuai kepada sektor swasta. Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, Kementerian saya sedar soalan itu adalah penting, khasnya untuk pengeksportan barang-barang kita ke EEC selepas 1992 dan kita pun selalu ada menyuarakan "concerned" kita kepada tokoh-tokoh atau pelawat dari Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyentuh mengenai pelaburan asing dan insentif dengan menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah berani dalam memberi insentif kepada pelabur asing dan juga patut merangka insentif yang baik kepada pelabur tempatan. Ini ialah kerana jika digalakkan pelabur tempatan yang berorientasikan eksport akan dapat menambah eksport negara dan meningkatkan sikap keusahawanan. Usahawan tempatan akan mendapat faedah. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tunbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, . . .

Dato' Kok Wee Kiat: . . . dan keuntungan yang lebih kerana tidak ada ekuiti asing untuk diagihkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh minta jalan. Tadi saya tidak mahu tanya sebab saya hendak dengar habis dahulu, iaitu mengenai dengan pelabur asing dengan tempatan dinyatakan bahawa pertambahannya sebanyak 153% iaitu daripada jumlah modal \$4,353 juta penglibatan firma tempatan dalam 1,724.2%, begitulah yang disebutkan tadi. Jadi seolah-olah menolak dakwaan saya iaitu penglibatan firma tempatan itu tidak betul sebagai tumpang tenggek. Dalam teks ucapan saya tanggal 30hb Jun, 1989, Jilid III, Bil. 24, Hari Jumaat dahulu, saya menekankan kepada 4 aspek yang penting, iaitu simen, getah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat minta penjelasan

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasanlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan panjang-panjang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sudah panjang tidak jelas, macam mana? Takkanlah saya hendak tanya simen habis macam itu. Jadi, dalam bidang simen, getah, kelapa sawit dan pembinaan adakah ini disebutkan sebagai lebih daripada 153%, yang saya nyatakan 4 bidang ini saya dakwa tertinggal di belakang dari segi industri ini, bukan dari segi eksport. Misal kata, getah joint-venture daripada luar dengan yang dalam, saya kata tertinggal. Dalam bidang industri simen antara yang luar dengan Malaysia (tempatan) tertinggal, adakah benar? Yang disebutkan tadi secara umum. Yang saya tekankan dalam teks saya pada 4 perkara yang

tertinggal, itu hendak jawapan yang konkrit, bukan yang umum. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Yang Berhormat dari Marang oleh kerana saya tidak ada butir-butir yang diminta oleh Yang Berhormat, kalau boleh, saya menjawab penjelasan itu dengan tulisan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta Timbalan Menteri serta juga pegawai yang menyediakan jawapan rujuk Kertas DR. 30-6-89, halaman 64, ucapan saya pada hari Jumaat. Sudah ada, saya ingat tidak payah jawapan fasal benda itu sudah sedia lama. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ambillah perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi objektif utama Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan eksport negara ke atas barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia memandangkan pasaran tempatan kita yang kecil. Selaras dengan objektif ini Kerajaan telah memperkenalkan berbagai-bagai insentif eksport untuk mengeluarkan dan mengeksport di Malaysia seperti skim pembiayaan semula kredit eksport, pengurangan pendapatan larasan bagi eksport, elaun eksport sebanyak 5%, potongan dua kali bagi penggalakan eksport dan elaun industri binaan. Manakala untuk menggalakkan pengeksport-pengeksport Malaysia menerokai pasaran baru (non-traditional market) pula Kerajaan telah menyediakan potongan dua kali untuk "premium credit insurance export". Insentif-insentif eksport ini jelas menunjukkan keberkesanan jika ditihat dari segi nilai eksport kasar ke atas barang-barang pembuatan dari Malaysia telah meningkat kepada \$32.5 juta bagi tahun 1988 berbanding dengan \$25.6 juta

dalam tahun 1987, iaitu kenaikan sebanyak 27.2%. Polis dan insentif pelaburan yang disediakan itu bukan sahaja dikhaskan hanya kepada pelabur-pelabur asing tetapi adalah juga untuk pelabur-pelabur tempatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu. . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, cuma ada satu sebelum Yang Berhormat menghabiskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan ataupun Kementerian beliau bercadang untuk memberi lebih banyak kelonggaran kepada ICA itu sebagai satu usaha lanjutan untuk menggalakkan pelaburan di negara kita memandangkan bahawa masih wujud beberapa syarat-syarat yang ketat di bawah ICA sekarang. Sekiranya Kerajaan dapat memberi lebih banyak kelonggaran, mungkin ini menjadi satu cara yang positif untuk menggalakkan objektif menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita selalu memandang kepada perkara pelaburan dengan praktiknya. Pada masa sekarang Kerajaan sudah melonggarkan banyak syarat-syarat di dalam Akta ICA. Pada masa sekarang Kementerian saya tidak bercadang untuk melonggarkan lagi Akta ini. Di

sini saya hendak menjelaskan had \$2.5 juta itu pada bancian tidak ada-statistik, angka-angka. Hampir 80% peniaga-peniaga adalah di antara modal kapitalnya \$1 juta dan \$2.5 juta, Itulah pada masa sekarang had modal kapital di bawah Akta ICA. Oleh kerana itu pada masa sekarang Kementerian saya tidak bercadang menaikkan had itu. Ada orang bercadang \$5 juta atau lebih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan, Yang Berhormat. Setakat ini berasaskan kepada kajian dibuat oleh Kementerian siapakah golongan yang lebih mendapat keuntungan daripada Akta ICA yang disebutkan tadi, bumiputerakah, bukan bumiputerakah, pelabur luar negerikah dan sebagainya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu bertanya satu pandangan sahaja, saya harap saya boleh tidak menjawab soalan ini oleh kerana apa jawapan saya lagi pun itu satu subjektif sahaja, bukan objektif.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Bukan soalan itu subjektif. Saya kata siapakah, ertinya memang sepatutnya pihak Kementerian ada statistik menunjukkan golongan yang mendapat keuntungan daripada itu setakat ini. Itu saya rasa objektif sedikit, bukan subjektif.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau pandangan dari Kementerian saya, kedua-dua pihak pun ada keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Perusahaan Utama.

3.11 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh tugas-tugas di bawah Kementerian Perusahaan Utama di dalam perbahasan membentangkan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima. Saya ingin merujuk kepada pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang yang menggesa Kerajaan tidak bergantung kepada perigeluan bahan mentah untuk dieksport seperti getah, timah dan kelapa sawit di mana tidak ada usaha gigih untuk dijadikan barangan siap menurut dakwaan beliau. Beliau berpendapat Kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk menukarkan barangan utama kepada barangan siap supaya dapat meningkatkan tukaran wang asing dan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan pemrosesan barangan utama kepada barangan siap. Dalam hal ini Kerajaan telah pun menggubal Pelan Induk Perindustrian di mana kemajuan dan dalam industri berasaskan barangan utama iaitu industri product getah, minyak kelapa sawit, kayu kayan, timah dan makanan telah ditekankan di samping tujuh lagi jenis industri yang lain. Dalam hal ini sukacita saya menekankan bahawa disektor kelapa sawit lebih daripada 90% pengeluaran minyak kelapa sawit mentah di negara ini adalah diproses dalam negara ini dan dieksport dalam berbagai bentuk yang diproses. Pada tahun 1988 terdapat 273 buah kilang memproses buah tandan segar iaitu BTS kelapa sawit telah diluluskan dan sebanyak 244 buah kilang dengan jumlah capacity memproses sebanyak 8,981 tan buah tandan segar sejam adalah sedang beroperasi. Dalam sektor penapisan minyak kelapa sawit pula, pada penghujung 1988 sebanyak 38 buah kilang penapis minyak kelapa sawit sedang beroperasi dengan capacity memproses sebanyak 9 juta tan minyak kelapa sawit mentah

setahun. Industri perkilangan minyak kelapa sawit mengeluarkan beberapa product termasuk oleo kimia, sabun, vanaspathy, majerin dan lain-lain jenis makanan dari minyak kelapa sawit.

Dari segi industri berasaskan getah pula mengikut Pelan Induk Perindustrian sebanyak 300.000 tan getah akan digunakan dalam pembuatan barangan siap menjelang tahun 1995. Sehingga hujung 1988 sebanyak 120,379 tan getah telah dapat digunakan untuk dijadikan product-product seperti sarung tangan, kondom, tyre, product-product getah dan lain-lain product getah perindustrian. Untuk membuat barangan siap ini 193 buah kilang product dari susu getah, 55 kilang product getah am, 21 product perindustrian, 18 kilang kasut dan 3 kilang tyre sedang beroperasi. Daripada beberapa barangan perkilangan berasaskan getah ini pengeluaran sarung tangan getah menunjukkan prestasi yang cemerlang di mana pengeluarannya telah meningkat sebanyak 237.4% dalam tahun 1988 berbanding dengan tahun sebelumnya mencatatkan jumlah pengeluaran 1.4 billion pasang telah dikeluarkan setahun.

Pengeluaran catheter pula bertambah sebanyak 42.1 kepada 45.5 juta unit, manakala pengeluaran tyre juga meningkat 20.3% kepada 6.2 juta unit dalam masa yang sama. Dalam bidang koko pada masa ini terdapat 7 buah kilang koko yang mengeluarkan barangan siap seperti coklat, mentega koko, tepung koko dan lain-lain. Di samping itu Kerajaan telah mengeluarkan lesen bagt 21 kilang untuk mengisar koko dengan capacity pengeluaran mentega koko sebanyak 23,400 tan setahun, dan tepung koko sebanyak 23,679 tan setahun. Bagi coklat terdapat 9 buah kilang dengan jumlah capacity sebanyak 6,682 tan di mana 4 buah kilang coklat sedang beroperasi dengan jumlah capacity sebanyak 4,608 tan.

Sektor perkayuan juga tidak ketinggalan dan di mana pada tahun lepas terdapat sebanyak 561 kilang papan di Semenanjung Malaysia, 118 di Sabah dan 68 kilang di Sarawak. Di Semenanjung Malaysia pula hampir semua balak yang dikeluarkan adalah diproses dalam negeri. Tahun lalu Semenanjung Malaysia mengeluarkan sebanyak 6.6 juta meter padu kayu bergergaji, 775,280 meter padu papan lapis dan sebanyak 237,200 meter padu kayu permai. Kerajaan memanglah menekankan usaha perkilangan dalam sektor perkayuan di mana matlamat eksport perabot ditingkatkan kepada 400 juta pada tahun 1995 berbanding dengan 98 juta pada tahun yang lepas. Pada masa ini terdapat lebih kurang 2,000 unit pembuat perabot daripada kayu dan rotan di mana 45 daripadanya adalah untuk dieksport dengan capacity yang agak besar dan lebih moden. Untuk meningkat lagi kemajuan dalam sektor perabot, Kerajaan telah memajukan satu zon perabot di Olak Lampit, Selangor seluas 4(K) ekar. Minat terhadap zon adalah agak menggalakkan dan sukacita dinyatakan bahawa bagi Fasa I semua lot-lot yang telah disediakan telah pun diambil. Dalam hal ini Kerajaan telah mewujudkan incentive physical untuk menarik pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri.

Tuan Nurnikman bin Abdullah:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kimanis bangun.

Tuan Nurnikman bin Abdulah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Di dalam senarai-senarai kilang papan yang berada di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan Sarawak, saya ingin tahu dari pihak Kementerian berapakah jumlah kilang papan ini yang mempunyai kilang moulding di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angkanya di sini. Saya akan memberitahu Yang Berhormat kemudian. Bagi menentukan bekalan mencukupi kepada industri tempatan, Kerajaan telah mengharamkan peng-eksportan balak dan meningkatkan duti eksport rotan baru-baru ini di Semenanjung Malaysia.

Dalam sektor timah pula penggunaan bahan ini dalam negeri ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan jumlah pengeluaran. Pada tahun lepas penggunaan timah dalam negara adalah sebanyak 2,420 tan iaitu merupakan lebih kurang 6% sahaja daripada jumlah pengeluaran timah negara keseluruhannya. Namun demikian, harus diingatkan bahawa penggunaan timah dalam negara telah meningkat dengan pesat dari 434 tan pada tahun 1980 kepada 2,420 tan pada tahun 1988 iaitu pertumbuhan lebih daripada 5 kali ganda dalam tempoh 8 tahun. Penggunaan timah dalam negara akan dijangka bertambah apabila kilang Plate Timah Malaysia meningkatkan capacitynya tidak lama lagi sehingga 1,000 tan timah setahun. Di bawah Pelan Induk Perindustrian, perusahaan memproses timah adalah termasuk dalam golongan keluaran logam bukan besi yang telah dikenal pasti sebagai perusahaan yang digalakkan supaya dapat mencapai nilai tokok yang tinggi terutama untuk pasaran eksport. Keluaran-keluaran seperti pemeterian barangan pewter, plate timah dan kimia timah telah dikenal pasti untuk dimajukan. Bagi memajukan perusahaan-perusahaan ini berkembang seterusnya khasnya mengenai perusahaan sadur timah, galakan-galakan berikut disediakan:

- (i) Galakan kredit cukai pelaburan sebanyak 75%.
- (ii) Kawalan dalam bentuk cukai import dikenakan ke atas plate timah yang diimport sebanyak 20% atau \$330 setan; dan

- (iii) Memperuntukkan taraf perintis atau galakan elaun cukai pelaburan bagi perusahaan hiliran yang memproses bijih timah di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menjalankan usaha-usaha yang gigih untuk meningkatkan pengilangan barang utama untuk dijadikan barang siap tetapi kita harus mengambil kira pula permintaan dunia yang berbagai corak memandangkan pasaran negara ini tidak mungkin menggunakan keluaran negara ini keseluruhannya. Dari segi ini pasaran dunia memerlukan berbagai jenis keluaran, berasaskan barangan utama daripada bahan mentah diproses dan sehinggalah barangan sudah siap. Kita perlu mengingati bahawa bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh negara ini sangatlah besar dan terkemuka di dunia. Strategi untuk mengeksport keluaran negara dalam berbagai bentuk adalah strategi yang biasa dilakukan oleh negara-negara lain. Umpamanya di Amerika Syarikat eksport barangannya dalam bidang pertanian dan makanan yang mentah dan dalam bentuk diproses merupakan hasil eksport yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sasaran Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai supaya Kerajaan mengawal pembukaan hutan untuk mengelakkan kepupusan hutan negeri, sukacita saya menjelaskan bahawa perhutanan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan sedang menjalankan berbagai program untuk mengurus dan melindungi kawasan hutan negara secara berkesan dan berkekalan. Usaha ini adalah berlandaskan Dasar Perhutanan Negara yang telah dilaksanakan mulai tahun 1977, Akta Perhutanan Negara mulai tahun 1984, Akta Industri

Berasas Kayu mulai tahun 1984 dan Akta Lembaga Pembangunan dan Penyelidikan Perhutanan Negara mulai tahun 1985. Sepertimana termaklum Dasar Perhutanan Negara adalah diselaraskan oleh Majlis Perhutanan Negara. Antara lain di bawah dasar ini Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk mengkhaskan kawasan hutan asli seluas 12.1 hektar atau 38.6% daripada keluasan negara sebagai kawasan hutan simpan kekal yang diuruskan secara berkekalan bagi tujuan-tujuan perlindungan. Untuk makluman, jumlah keluasan hutan asli. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan mengenai Dasar Perhutanan Negara dalam kaitan dengan pelaksanaan oleh Kerajaan Negen. Saya mendapat kefahaman di mana negeri-negeri, misalnya Kelantan, tidak mematuhi kerana masalah hasil. Misalnya sebuah negeri yang miskin yang bergantung kepada hasil perhutanan terpaksa membuka hutan lebih, kalau tidak pendapatan tidak mencukupi. Soalan, apakah Kerajaan Pusat bersedia menimbang kalau ketidakcukupan hasil atau pendapatan negeri dengan mematuhi pembukaan kawasan-kawasan hutan demi mematuhi Dasar Perhutanan Negara.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum bahawa hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah berlandaskan hubungan antara dua Kerajaan yang pada hakikatnya sama dan sebarang kekurangan hasil yang dihadapi oleh sebuah negeri sentiasa ditampung oleh Kerajaan Pusat melalui berbagai-bagai

saluran dan tidak semestinya sebagai satu gantian kepada kehilangan hasil akibat daripada pengurangan, pemotongan atau penebangan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, keluasan hutan asal negara pada masa ini adalah 20 juta hektar ataupun 61.6% daripada jumlah keluasan negara. Sekiranya kita kira dari segi kawasan berpokok pada jumlah keluasan ialah 24.8 juta hektar atau 75% daripada jumlah kawasan negara keseluruhannya. Pencapaian ini adalah satu tahap yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain di negara. Sebagai perbandingan bagi kebanyakan negara di Eropah Barat, keluasan kawasan berpokok mereka tidak melebihi 20% malah sebahagian daripadanya kurang daripada 10%.

Untuk makluman, Kerajaan pada masa ini sedang giat menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan prestasi pengurusan sektor perhutanan dengan memberikan perlindungan dan pemeliharaan kawasan hutan, penggunaan sumber secara berjimat dan optima bagi mendapat nilai tambahan yang tinggi di samping meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan latihan bagi meningkatkan lagi prestasi pengurusan hutan.

Suatu pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu sedang dipertingkatkan bagi memastikan sumber hutan negara diuruskan dan dipelihara secara berkesan, optima dan berkekalan. Ini meliputi rangka kerjasama di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis telah menyentuh mengenai kempen anti minyak kelapa sawit atau minyak tropika yang ditaja atau dipelopori oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (ASA). Kementerian Perusahaan Utama memang sedar akan aktiviti-aktiviti dan kegiatan pihak ASA dan kunci-kuncunya. Kegiatan

mereka ini untuk memburukkan minyak kelapa sawit dengan menyebarkan tohmah-tohmahan tanpa asas bukan sahaja merupa tidak adil, tetapi juga menggambarkan kehausan modal pihak mereka untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Saya juga sukacita memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu punca atau asas kempen anti minyak kelapa sawit tersebut berlandaskan kehilangan pasaran bagi minyak kacang soya di pasaran dunia. Di atas tindak-tanduk pihak ASA tersebut, Kementerian Perusahaan Utama telah menyusun beberapa program bukan sahaja untuk membanteras kempen tersebut tetapi juga mengukuhkan seperti sedia kala keutuhan dan kepercayaan para pengguna terhadap minyak kelapa sawit. Dalam hal ini pihak Kerajaan bersama pihak industri minyak kelapa sawit secara bersepadu telah merancang beberapa aktiviti bukan sahaja di peringkat pemakanan minyak kelapa sawit tetapi juga di peringkat politik dan juga industri. Saya suka mengambil peluang ini untuk menegaskan iaitu aktiviti yang telah dilaksanakan telah mendatangkan kesan yang positif. Umpamanya pihak pentadbiran Amerika Syarikat telah menyatakan bangkangan terhadap satu Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Pengebelan Minyak-minyak Tropika yang bertujuan menakut-nakutkan para pengguna daripada menggunakan minyak kelapa sawit.

Sementara itu kajian-kajian pemakanan terhadap minyak kelapa sawit telah mengesahkan semula tentang khasiat bahan tersebut ke atas kesihatan manusia.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai minyak kelapa sawit dan kami pun baru balik

dari Amerika Syarikat dan antara perbincangan yang telah diadakan dengan Congressmen ataupun Senators, dengan izin, di Amerika Syarikat dan kumpulan lobby group di Amerika Syarikat mengenai soal kempen anti minyak kelapa sawit. Memang tindakan Kerajaan dan juga tindakan politik, bahkan kumpulan lobby itu sendiri menolong kita tetapi pandangan yang telah diberi barangkali yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, supaya tindakan kita yang lebih bercorak perdagangan ataupun perniagaan apa yang dimaksudkan dari segi promosi kempen kerana setakat ini walau apa tindakan politik ataupun undang-undang diambil tetapi di kepala masyarakat Amerika Syarikat sudah terlekat bahawa kalau mengambil minyak kelapa sawit ini membahayakan. Walaupun ujian kedoktoran, perubatan dan sebagainya dibuktikan tetapi dari segi saikologi masih tidak meyakinkan mereka. Jadi, apa yang diberi pandangan oleh kumpulan daripada Amerika Syarikat sendiri supaya kempen kita, promosi dipertingkatkan bahawa minyak kelapa sawit ini tidak membahayakan kesihatan. Apakah pandangan dan cadangan daripada Kementerian dalam usaha mempertingkatkan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk melawan aktiviti-aktiviti ASA ini adalah dibuat dalam bentuk berbagai-bagai approach, dengan izin, atau multiple approach dan di samping kita mengadakan kegiatan-kegiatan yang berbentuk lobby anti penentang langkah-langkah perundangan, Kementerian juga sentiasa menjalankan seminar-seminar dan juga promosi yang bentuk saintifik dan perdagangan bagi memastikan bahawa orangramai iaitu pengguna-pengguna tidak akan takut menggunakan minyak kelapa sawit oleh kerana sebab-sebab

kesihatan dan rombongan-rombongan yang seperti ini baik dalam bentuk saintifik atau teknikal akan terus dikirim ke luar negeri termasuk Amerika Syarikat sendiri untuk menjelaskan kepada orangramai melalui saluran-saluran yang tertentu terutamanya tokoh-tokoh yang terkemuka di dalam bidang permatanian dan sains.

Tuan Yang di-Pertua, selagi pihak ASA masih menjalankan aktiviti yang keterlaluan ini, saya pasti iaitu kita akan terus menghadapi ancaman daripada pihak ASA dan kuncukuncunya dan namun demikian, kita telah pun memperolehi maklumat yang jelas yang menunjukkan iaitu bukan sahaja penggunaan minyak kelapa sawit akan terjejas, tetapi juga minyak kacang soya sendiri akan terjejas penjualannya di Amerika Syarikat akibat daripada kempen mereka sendiri. Sekali lagi ini jelas menunjukkan tindak-tanduk ASA yang tidak berasas tersebut akan membawa kesan negatif kepada pihaknya sendiri. Ini merupakan satu petunjuk yang baik kepada minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kimanis juga telah menyebutkan bahawa kayu tropika yang dikeluarkan dari negara kita tidak bermutu baik, Saya ingin menjelaskan bahawa dakwaan ini tidak tepat memandangkan terdapat permintaan yang tinggi bagi kayu-kayuan daripada negara kita di pasaran luar negeri. Malahan pada masa ini Dasar Perhutanan negara telah pun merangkumi bidang peningkatan industri pemerosesan berasaskan kayu termasuk memelihara dan meningkatkan mutu kayu-kayu yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Saratok telah membangkitkan masalah menaikkan taraf jalan di luar bandar di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan menaikkan taraf jalan ini juga diberikan berasaskan keutamaan khususnya bagi kawasan-kawasan yang sangat-sangat memerlukan. Antara faktor-faktor yang diambilkira untuk menentukan kelayakan ini ialah bilangan penduduk yang akan memperolehi faedah, kos perbatuan dan kemungkinan jalan luar bandar yang dibina dapat mendorong pembangunan ekonomi di satu-satu kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan sama ada kemudahan infrastruktur yang disediakan mencapai tahap atau mutu yang diperlukan dan menepati keperluan golongan sasaran iaitu penduduk miskin. Kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar termasuk bekalan air, elektrik dan jalan adalah untuk dinikmati oleh semua penduduk' luar bandar. Dari segi taraf pembinaan, spesifikasi teknikal telah sedia ditetapkan oleh pihak JKR. Cuma dari

segi naik-taraf dan penyenggaraan ianya bergantung kepada peruntukan yang ada. Dari segi kemudahan bekalan air dan bekalan elektrik, sebenarnya pencapaian dari segi liputannya telah meluas iaitu 61.1% bagi bekalan air dan 79% bagi bekalan elektrik bagi isirumah luar bandar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya pihak Kerajaan membuka peluang bagi kaum bukan bumiputera menyertai program pemuliharaan rumah bagi golongan termiskin. Sukalah saya memaklumkan bahawa sememangnya pada dasarnya program tersebut dibuka kepada keluarga-keluarga termiskin tidak mengira kaum yang tinggal di kawasan luar bandar. Apa yang dimaksudkan dengan "keluarga termiskin" ialah keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan kurang dari \$175.00 sebulan dan mereka mestilah mempunyai rumah yang daii: dan tidak selamat untuk didiami.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok juga telah menyentuh mengenai pendidikan pra-sekolah di luar bandar atau Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) dan menyarankan supaya KEMAS menyediakan lebih banyak lagi kelas-kelas mengikut keperluan setempat,

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerusi Bahagian KEMAS memang bercadang untuk menambah lagi kelas TBK di seluruh negara dengan cara meminta Pemaju Masyarakat mengendalitkan dua sesi kelas TBK dan juga menaikkan pangkat Pembantu Pemaju Masyarakat kepada jawatan Pemaju Masyarakat bagi membolehkan mereka mengendalitkan kelas TBK tersebut. Dengan adanya pertambahan jawatan Pemaju Masyarakat dan kelas-kelas TBK adalah dijangkakan akan dapat menampung kanak-kanak

berumur 4-5 tahun mengikuti kelas berkenaan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang melibatkan bidangkuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya di atas pandangan-pandangan yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi

pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari senganap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (31hb Julai, 1989).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARI PADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, kecuali Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) yang telah pun ditangguhkan, telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga ke suatu tankli yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang

Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, kecuali Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) yang telah pun ditangguhkan, telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, KAWALAN PERTUKARAN WANG, INSURANS DAN TAKAPUL (PINDAAN).

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat beberapa pindaan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 bagi mensesuainya dengan tafsiran-tafsiran dan rujukan-rujukan yang

terdapat di dalam Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan ini. Pensesuaian ini perlu dibuat kerana Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 yang dirujukkan dalam Ordinan itu akan dimansuhkan apabila terkanunnya Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 nanti. Dengan itu rujukan berkenaan akan digantikan dengan rujukan kepada Akta baru tersebut.

Peluang ini juga diambil untuk membuat beberapa pindaan sampingan dengan tujuan untuk memperkemas dan memperbaiki lagi Ordinan tersebut selaras dengan perkembangan-perkembangan semasa. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan itu juga melibatkan pindaan berbangkit ke atas Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini merangkumi pindaan-pindaan ke atas Ordinan Bank Negara 1958 dan tiga Akta lain yang berkaitan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 melalui Rang Undang-undang ini adalah sebagaimana berikut:

Fasal 4 adalah untuk meminda Seksyen 9 Ordinan bagi memasukkan subseksyen baru 5 untuk menjadikan sah di sisi undang-undang bagi Gabenor dan Timbalan Gabenor dilantik di bawah undang-undang lain selain daripada Ordinan Bank Negara 1958. Untuk menjalakan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan fungsi-fungsi di bawah undang-undang tersebut. Misalnya perlantikan sebagai Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta Insurans 1963 dan Ketua Pengarah

Takaful di bawah Akta Takaful 1984 dan untuk diberi sesuatu pangkat perjawatan berhubung dengan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan fungsi-fungsi tersebut. Perkara ini perlu bagi menghapuskan keraguan mengenai peruntukan Seksyen 9 (3) yang menetapkan bahawa Gabenor dan Timbalan Gabenor hendaklah berkhidmat sepenuh masa dengan Bank Negara dan hendaklah tidak memegang jawatan lain sedangkan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 adalah juga di bawah pengawasan Bank Negara.

Fasal 5 adalah untuk meminda Seksyen 11 (1) (b) Ordinan, bagi melarang Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada menjadi pegawai bergaji atau pengarah bukan sahaja dalam bank-bank perdagangan atau bank saudagar seperti yang diperuntukkan sekarang tetapi juga dalam institusi-institusi kewangan yang lain. Menteri Kewangan bagaimanapun boleh meluluskan supaya Gabenor atau Timbalan Gabenor menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi institusi-institusi tersebut sekiranya diperlukan oleh dasar negara. Pindaan ini perlu bagi menyesuaikan dengan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Fasal 5 juga membuat pindaan kepada Seksyen 11(1) (c) Ordinan bagi menyelaraskan pemakaian istilah mengenai perkhidmatan awam dalam seksyen tersebut dengan istilah dalam Ordinan "Pentafsiran dan Fasal-fasal Umum 1948 serta peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan."

Fasal 6 adalah untuk meminda seksyen 14 (2) (a) Ordinan bagi menjelaskan bahawa seseorang Pengarah Bank Negara adalah dilarang menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga Pengarah bila mana perkara-perkara mengenai

kontrak yang dia mempunyai kepentingan di dalamnya sedang ditimbang oleh Lembaga.

Fasal 7 adalah untuk meminda seksyen 15 (5) Ordinan, bagi menjadikan seksyen itu tidak tertakluk kepada seksyen 49. Ini adalah kerana kedua-dua seksyen itu berbeza di mana seksyen 15 (5) adalah berkaitan dengan akaun kebajikan kakitangan manakala seksyen 49 pula adalah berkaitan dengan pinjaman-pinjaman perumahan, kenderaan dan bantuan kepada kakitangan.

Di samping itu Pasal 7 juga memasukkan subseksyen baru (6) bagi membolehkan pihak Lembaga Bank Negara dengan persetujuan Menteri mengeluarkan arahan-arahan amanah untuk mengawal tujuan-tujuan dan prosedur mengenai akaun kebajikan kakitangan.

Fasal 8 adalah meminda seksyen 16 Ordinan bagi membolehkan peruntukan kerahsiaan dipakai bukan sahaja kepada bank dan syarikat-syarikat kewangan tetapi juga kepada institusi-institusi kewangan lain di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Fasal 9 adalah untuk memasukkan seksyen baru 16A ke dalam Ordinan untuk membolehkan Bank Negara membuat laporan di bawah undang-undang kepada pihak polis atau pihak-pihak lain yang berkenaan sekiranya bank mengesyaki sesuatu jenayah telah dilakukan di bawah Akta-akta yang berkaitan dengan institusi kewangan.

Fasal 13 adalah untuk meminda seksyen 27 (1) (2) Ordinan bagi menjelaskan bahawa seseorang tidak berhak menuntut daripada Bank Negara nilai wang kertas yang

diconteng. Ini adalah untuk menyelaraskan dengan dasar mengenai wang conteng yang diumumkan pada tahun lepas. Pada masa ini terdapat keraguan sama ada perkataan-perkataan seperti "hilang", "dicuri", "dikoyak" atau "tidak sempurna" yang digunakan dalam seksyen 27 itu meliputi wang kertas yang diconteng. Pindaan-pindaan berbangkit juga perlu dibuat pada seksyen 24 dan 25 kerana ia juga melibatkan perkara yang sama.

Fasal 14 adalah untuk meminda seksyen 30 (1) (ssx) Ordinan bagi menjelaskan bahawa perkataan "interest" dalam seksyen tersebut adalah termasuk interest in share. Ini adalah untuk menyelaraskannya dengan takrif dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Fasal 14 juga memotong seksyen 30 (1) (T) (tt) dan (ttt) Ordinan tersebut iaitu berkaitan dengan pentadbiran Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Untuk menggantikan perenggan-perenggan itu, subseksyen baru (3) dimasukkan ke dalam seksyen 30 bagi membuat peruntukan yang lebih jelas berkaitan dengan tugas Bank Negara untuk mentadbirkan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan undang-undang yang lain.

Fasal 14 juga memasukkan subseksyen-subseksyen baru (4), (5), (6), (7), (8) dan (9) ke dalam seksyen (30). Pindaan-pindaan ini di antara lain bertujuan untuk menetapkan bahawa adalah menjadi kewajipan kepada Bank Negara supaya menyimpan satu rekod mengenai imbalan pembayaran (balance of payment) Malaysia. Ia

juga membolehkan Bank Negara mengutip maklumat statistik dan dokumen berkaitan dengan imbalan pembayaran.

Fasal 15 adalah untuk meminda Seksyen 31 (E) Ordinan bagi menjelaskan kuasa Bank Negara untuk memberi pajakan dan penyewaan kepada orang lain harta benda tak alihnya yang tidak diperlukan untuk kegunaannya sendiri buat sementara waktu.

Fasal 16 adalah untuk meminda seksyen 31 (A) Ordinan. Seksyen ini dipinda untuk dua tujuan. Pertama untuk meminda peruntukan yang sedia ada iaitu yang membolehkan Bank Negara membeli saham atau memberi pinjaman kepada bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan yang raenghadapi masalah kewangan bagi membolehkan peruntukan itu diperluaskan kepada semua institusi kewangan yang diliputi oleh Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Yang kedua ialah untuk memasukkan peruntukan baru supaya pinjaman boleh diberi kepada mana-mana institusi kewangan berlesen untuk membeli saham atau harta-benda dan liability sesebuah institusi kewangan lain yang menghadapi masalah kewangan. Peruntukan ini adalah berkaitan dengan rancangan menyelamatkan institusi-institusi kewangan yang bermasalah.

Fasal 17 adalah untuk menggantikan seksyen 31B Ordinan dengan seksyen baru 31B bagi memberi kenyataan yang lebih jelas mengenai kepentingan pendeposit.

Fasal 20 adalah untuk meminda seksyen 34 Ordinan bagi menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah Bank Negara bertanggungjawab untuk memberitahu Menteri Kewangan

mengenai dasar-dasar berhubung dengan Akta-akta yang ditadbirkan oleh Bank Negara selain daripada dasar-dasar kewangan dan dasar pengurusan Bank.

Fasal 23 adalah untuk memasukkan perenggan baru E ke dalam seksyen 37 (1) Ordinan tersebut untuk membolehkan Bank Negara mengeluarkan arahan kepada institusi-institusi kewangan mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan pengawasan dan pengawalan institusi-institusi pengurusan bank dan lain-lain institusi di bawah Ordinan tersebut serta di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984 dan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang dicadangkan itu dan juga sebarang perkara berkaitan dengan dasar kewangan.

Pindaan ke atas seksyen 37 ini juga memerlukan pindaan berbangkit kepada seksyen 39 dan 40.

Fasal 30 adalah untuk memasukkan subseksyen baru ke dalam seksyen 49 Ordinan bagi memberi kuasa-kuasa Bank Negara memberi pinjaman pelajaran kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Bank Negara serta anak-anak mereka dan orang lain yang sesuai.

Fasal 31 adalah untuk meminda seksyen 51 Ordinan bagi menaikkan denda dan hukuman penjara yang diperuntukkan dalam seksyen itu dan Fasal 32 adalah untuk memasukkan seksyen baru 53A bagi membolehkan Bank Negara diwakili dalam prosiding sivil oleh Pengarah atau kakitangan. Ini adalah di antara lain bertujuan untuk menjimatkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ke atas subseksyen baru (3) seksyen 30 Ordinan Bank Negara 1988 yang dibuat melalui Fasal 14

memerlukan pindaan sewajarnya ke atas seksyen 3 (1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, seksyen 35 (1) Akta Insurans 1963 dan seksyen 54 (1) Akta Takaful 1984. Pindaan yang dicadangkan ini adalah dibuat melalui Fasal-fasal 33, 34 dan 35 yang bertujuan untuk menjelaskan bahawa kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang diberikan oleh masing-masing Akta itu kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing, Ketua Pengarah Insurans dan Ketua Pengarah Takaful bagi pihak Bank Negara hendaklah dijalankan oleh Gabenor Bank Negara.

Secara keseluruhannya pindaan undang-undang yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah penting dan perlu bagi mengemaskinikan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 selaras dengan cadangan pengwujudan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Dengan pindaan-pindaan ini pengawasan dan pentadbiran institusi-institusi kewangan akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.55 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di atas perbahasan Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini dibentangkan sebagai lanjutan kepada Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini minggu yang lalu. Rang Undang-undang ini kita berharap ianya nanti boleh meningkatkan imej insituti kewangan di negara ini dan kembali pulih setelah kita lihat berbagai skandal dan berbagai-bagai peristiwa yang berlaku dalam institusi kewangan di negara ini.

Beberapa skandal kewangan yang melibatkan bank-bank perdagangan khususnya institusi-institusi kewangan, koperasi-koperasi telah menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap keberkesanan perjalanan bank-bank dan institusi kewangan di negara ini. Maka sebab itu saya percaya tujuan Rang Undang-undang ini untuk membuat pengawasan yang lebih ketat dan teliti semoga imej institusi kewangan negara kita ini kembali pulih. Kita berharap selepas ini kejadian jenayah kolar putih di kalangan pengurusan dan pekerja institusi-institusi kewangan dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada cadangan pindaan Akta ini terutamanya Fasal (8) (b), Fasal 9 (1) dan juga Fasal 6 di mana ianya dibuat bagi meyakinkan lagi terhadap pengawasan

institusi kewangan yang dikawal oleh Bank Negara yang menjadi Central Bank, dengan izin. Kita berharap kesedaran pihak Kementerian Kewangan ini masih tidak terlambat dan selepas ini dapat memperkemaskan perundangan serta menyeluruh bagi menggantikan kelemahan-kelemahan yang lepas. Bagaimanapun pihak Kementerian Kewangan perlu sedar bahawa penalti-penalti yang tinggi ataupun peraturan-peraturan yang dibuat belum tentu dapat mengatasi penyelewengan dan kejadian buruk di institusi-institusi kewangan sebagaimana yang dimaksudkan ini. Ini jelas seperti mana hukuman gantung mandatory yang diluluskan dalam Akta Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan sebelum ini dan kita lihat peningkatan penalti dari \$50,000 kepada \$10 juta ataupun 3 tahun kepada 10 tahun penjara itu dapat menggerunkan mereka yang terniat melakukan penyelewengan dan penipuan di bank-bank dan institusi kewangan.

Saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Menteri Kewangan yang diasaskan kepada Laporan Bank Negara di mana dari tahun 1987 hingga Mei 1989 terdapat 580 kes jenayah di institusi kewangan yang melibatkan sejumlah \$52 juta. Saya sangat tertarik kepada laporan ini kerana dua perkara. Pertama, kejadian jenayah itu selama 2 tahun bermakna setahun sebanyak 290 kejadian, sebulan sebanyak 24.16 kejadian. Kedua, jumlah wang yang terlibat sebanyak \$52 juta, sebagai contoh. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kewangan merasakan kejadian-kejadian jenayah itu perkara kecil dan tidak perlu disegerakan bagi membasmu kejadian tersebut. Mungkin inilah sebabnya Akta ini dikemukakan.

Sekiranya pihak Kementerian merasakan jenayah tersebut satu perkara yang serius mengapa

mengambil masa dua tahun untuk meminda Akta-akta yang terlibat ini bagi mengemaskinikan pentadbiran dan perjalanan institusi kewangan di negara kita ini. Adakah pihak Kementerian tidak perlu menyegerakan sebagai contoh wang yang terlibat sebanyak \$50 juta itu dan apakah dianggap ianya lebih kecil daripada kehilangan wang BMF sebanyak \$2.5 bilion sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin rakyat turut bertanya bukan sahaja tentang kelewatan masa pindaan ini tetapi beberapa persoalan berhubung BMF, CCB, Koperasi Pengambilan Deposit, Kompleks Kewangan dan Bank Negara sendiri. Banyak peristiwa-peristiwa yang kita dengar sebelum ini. Rakyat tentulah ingin tahu jumlah wang yang terlibat berhubung dengan masalah-masalah yang dibangkitkan itu. Berapakah jumlah wang yang terlibat dalam kes CCB? Berapa banyak yang terlibat dalam kes Koperasi Pengambilan Deposit? Adakah Kementerian tidak mahu menyebut jumlah wang yang terlibat dalam institusi-institusi tersebut kerana ada sebab-sebab tertentu?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh skandal kewangan yang terbesar setakat ini barangkali ialah skandal BMF. Skandal yang melibatkan wang rakyat itu nampaknya tidak diambil perhatian sekarang ini, sudahpun nampaknya mula dilupai oleh banyak pihak. Rakyat tidak nampak sebarang langkah positif yang diambil dan kita ingin tahu untuk mengembalikan wang tersebut. Apakah halangan-halangan yang timbul untuk membawa pulang membicarakan mereka yang terlibat di sini? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi rintangan-rintangan atau halangan tersebut sekiranya ada.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah pengambilan deposit, saya ingin bertanya setakat ini

berapakah jumlah yang terlibat? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dan berapakah jumlah yang terlibat? Ini semua masih lagi dalam proses yang belum selesai dan saya percaya dengan pindaan Akta ini ianya akan mempercepatkan lagi tindakan-tindakan untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Saya berharap dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat mengawal secara lebih ketat terhadap pengurusan dan perjalanan perniagaan yang melibatkan bank-bank dan juga syarikat-syarikat insurans terutamanya Takaful bagi mengelakkan penyelewengan. Dengan pemansuhan Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969 yang sebelum ini diharapkan kadar jenayah bank dan institusi kewangan sebanyak 24.16 kejadian sebulan itu akan dapat diatasi dengan secepat mungkin. Kita berharap agar Bank Negara bukan sahaja dapat mengawal secara ketat perjalanan bank-bank dan institusi-institusi kewangan serta insurans yang hari ini Ketua Pengarah Insuransnya ialah Gabenor Bank Negara sebaliknya mengawal dan mengetatkan lagi sistem pengurusan di Bank Negara sendiri.

Kes seorang kerani Bank Negara iaitu Harun Othman yang dapat melesapkan wang lebih \$22.2 juta itu bukan sahaja perkara yang boleh dipandang ringan. Kejadian itu telah menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap pengurusan Bank Negara iaitu credibilitynya, dengan izin, ataupun harga diri Bank Negara telah dimusnahkan kerana kejadian tersebut. Bagaimana kes tersebut boleh berlaku? Adakah sesiapa yang di peringkat pengurusan turut terlibat dalam kejadian ini? Berapakah jumlah wang yang sebenarnya terlibat dan berapakah yang tidak diperolehi kembali? Adakah Bank Negara dapat memberi jaminan bahawa perkara-perkara seperti ini tidak mungkin berlaku lagi dan kita harap sekali lagi

dengan pindaan Akta ini ianya tidak akan berulang dan imej Bank Negara kembali seperti mana yang diharapkan sebagai sebuah institusi bank yang mengawal perjalanan institusi kewangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah dengan ruang lingkup yang lebih besar ini memudahkan Bank Negara menjalankan tugasnya. Sekiranya benar terdapat penyelewengan sebelum ini, kita dengar bukan sahaja di tempat-tempat ataupun di institusi yang saya sebutkan tadi malah di kalangan bank-bank perdagangan yang lain kita lihat dan kita dengar berlaku kerugian seperti Perwira Habib Bank, Kompleks Kewangan, dan sebagainya, CCB tentulah pihak Kementerian dapat menjalankan penyasatan secara lebih mudah dan lebih teliti lagi. Adakah pihak Kementerian sedar apa yang berlaku di tempat-tempat kejadian terutamanya di bank-bank dan institusi kewangan yang saya sebutkan tadi. Apakah kejadian sebenarnya yang berlaku dan berapa banyak kewangan yang terlibat yang melibatkan juga secara tidak langsung kepentingan rakyat dan negara.

Baru-baru ini kita dapati Bank Pusat Kerjasama telah membuang pekerja-pekerja kesan dari kerugian bank tersebut. Difahamkan kerugian itu berpunca dari skandal dalam memberi pinjaman. Berapakah jumlah wang yang terlibat? Berapa banyakkah yang telah dipungut kembali? Berapa ramai pihak pengurusan terlibat dan diambil tindakan berhubung dengan penyelewengan tersebut? Penyelewengan-penyelewengan tersebut mestilah diambil tindakan kerana ratusan kakitangan di peringkat rendah hilang pekerjaan kerana sifat tamak haloba mereka yang tidak bertanggungjawab. Malah salah seorang daripada Lembaga Pengurusannya sekarang ini bermastautin di Australia. Begitu sukar untuk membawa beliau kembali bagi menghadapi tindakan seterusnya.

Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya percaya walaupun perkara ini sebagaimana difahamkan sedang diambil tindakan tetapi ianya janganlah dibiarkan begitu sahaja. Rakyat menanti tindakan yang lebih tegas, yang lebih berkesan daripada apa yang sedang dilakukan sekarang ini bagi mengembalikan semula bukan sahaja kepentingan pekerja, kepentingan penyimpan tetapi credibility institusi kewangan yang kita harap mendapat keyakinan daripada pihak-pihak pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan dan Bank Negara berhubung masalah mengawal penyelewengan dalam memberi pinjaman. Sebelum ini Bank Negara telah memberi arahan di mana keluarga terdekat kepada kakitangan bank tertentu tidak dibenarkan mendapat kemudahan pinjaman selain daripada pinjaman perumahan. Keluarga terdekat yang dimaksudkan itu ialah suami-isteri serta ibubapa kepada kakitangan tersebut. Saya rasa syarat itu tidak perlu meliputi peringkat kerani ke bawah kerana mereka tidak mempunyai kuasa dalam mempengaruhi serta meluluskan pinjaman tersebut. Oleh itu arahan atau syarat-syarat itu perlu ditarik balik.

Mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, Akta baru itu sudah cukup untuk mengawal penyelewengan. Lagi banyak penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam meluluskan pinjaman-pinjaman yang besar tidak melibatkan peringkat kerani dan pegawai-pegawai peringkat bawah, cuma mereka hanya menerima kesan ataupun menerima padah daripada perbuatan-perbuatan mereka yang di atas dan yang bertanggungjawab menguruskan sesebuah institusi kewangan ataupun bank dan juga syarikat-syarikat insurans.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh ialah berhubung pemberian pinjaman perseorangan atau syarikat yang melibatkan jumlah wang yang besar bercagarkan saham-saham syarikat. Pinjaman-pinjaman seperti ini terlalu tinggi risikonya kerana kedudukan saham-saham itu terlalu tidak menentu. Contohnya pinjaman yang diberikan kepada bekas Presiden MCA, Tan Koon Swan, akhirnya beliau bangkrap ataupun muflis dengan hutang \$460 juta lebih. Pihak Amanah Raya membenarkan Tan Koon Swan membayar \$1,000 sebulan kepada pinjaman tersebut di mana 35,000 tahun barulah ianya selesai. Apakah ini satu perkara yang main-main ataupun sesuatu perkara yang dianggap ringan? Oleh sebab itulah pindaan-pindaan sepatut—di-perketatkan lagi dengan diambil kira mereka yang meminjam jumlah sebegini yang besar supaya tidak terlepas daripada tanggungjawabnya dalam menunaikan amanah dengan menghilangkan ataupun merosakkan kepercayaan orang ramai terhadap sesuatu institusi.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit pandangan bersabit dengan pandangan yang saya harap dapat perhatian daripada pihak Kementerian Kewangan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang meminda Ordinan Bank Negara dengan begitu menyeluruh. Menurut kenyataan Yang Berhormat tadi tujuan pindaan yang sebegini besar dibuat untuk memperluaskan bidang kekuasaan Bank Negara di sektor

kewangan khususnya yang berhubung dengan kawalan pertukaran wang, insurans dan Takaful. Akibat daripada pindaan-pindaan yang dibuat maka Bank Negara kini bukan sahaja bertanggungjawab sebagaimana, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, gamekeeper tetapi jugalah "pemburu gelap", "woodpoacher", "becoming a gamekeeper and a poacher at the same time".

Persoalan yang terbit ialah sama ada Gabenor Bank Negara berupaya memberi perhatian secukup-cukupnya kepada satu sektor perdagangan tanpa apa-apa konflik di antara menjaga kepentingan awam dengan kepentingan institusi yang diambil alih oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa dengan pelbagai penyelewengan termasuk rasuah yang berlaku dalam institusi-institusi kewangan di dalam beberapa tahun ini, adalah perlu kita wujudkan Rang Undang-undang yang memperluaskan kekuasaan untuk melaksanakan, untuk menguatkuasakan Akta yang lebih ketat untuk mengawal dari berlakunya penyelewengan-penyelewengan tersebut.

Tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas pun ada menyebutkan beberapa kes yang tertentu termasuk skandal BMF, skandal Koperasi, CCB dan sebagainya. Ini saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini tidak akan berlaku penyelewengan-penyelewengan yang raksasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 (1) Ordinan Bank yang menggantikan seksyen 31B Ordinan, pada satu pihak dikatakan melindungi kepentingan pendeposit dan mengelolakan kewangan syarikat yang terlibat, tidak boleh dibuat melainkan jika pengambil deposit dan pendeposit telah memberi persetujuan. Di sebelah pihak yang

lain persetujuan pendeposit boleh diketepikan atas perintah Mahkamah Tinggi bila permohonan dibuat oleh bank melalui sama bermula secara *ex parte*. Tindakan ini rupa-rupanya tindak balas mengesahkan kes saman semula secara *ex parte* yang dilakukan oleh pihak Bank Negara untuk mengambilalih SEG Insuran Sdn. Bhd. di mana keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan pemegang-pemegang polisi insuran syarikat tersebut membuat tuntutan ke atas hartanya diketepikan oleh pihak Bank Negara selaku Ketua Pengarah Insurans.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tindakan sedemikian didakwa diambil bagi mengesyorkan pembahagian harta yang adil kepada semua pemegang-pemegang polisi di samping memelihara harta SEG tersebut. Maka kami percaya penekanan lebih diberikan kepada perlindungan harta syarikat daripada menjaga kepentingan pemegang polisi. Pindaan ini diperkukuhkan lagi jika ditinjau pula kekuasaan yang diberi kepada pembubar sementara, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, provisional liquidator, Samad and Company, tidak menjejaskan dengan terang dan tepat bagaimana tuntutan pemegang polisi akan dikendalikan terutama sekali bila urusan syarikat dipindah milik kepada syarikat yang lain. Apakah syor yang Kerajaan boleh beri kepada rakyat khususnya pendeposit-pendeposit bahawa segala syarat yang dipersetujui di antara mereka dengan pengambil deposit asal tidak akan berubah setelah dipindah milik kepada syarikat yang lain.

Sebagaimana yang difahami oleh kami pendeposit-pendeposit langsung tidak mempunyai apa-apa kuasa perundangan untuk melindungi kepentingan mereka, apatah lagi mempengaruhi keputusan yang diambil oleh pihak Bank Negara supaya terma-terma menjual atau

memindah milik harta dan tanggungan sesuatu syarikat kewangan berkenaan adalah lebih menguntungkan pendepositnya. Imbangan kuasa jelas sekali lebih memihak kumpulan mereka yang telah menyeleweng wang atau memecah amanah pendeposit.

Tanggungan kos daripada penyelewengan dalam pengurusan kewangan mesti ditanggung oleh mereka yang diamanahkan untuk menjaga wang tersebut, termasuk pihak yang bertanggungjawab bagi mengawasi pengurusan syarikat-syarikat itu iaitu pihak Bank Negara dan Kerajaan sendiri.

Buat masa ini perundangan telah sedia ada dan pindaan-pindaan yang dikemukakan semata-mata menanam tebu di bibir mulut sahaja, langsung tidak memperlihatkan peruntukan yang tetap dan jelas untuk sebenarnya menjaga kepentingan rakyat dan pendeposit. Cara penyelesaian memaksa pendeposit menerima saham syarikat yang pernah menipu mereka, atau mengenakan pengurangan dalam jumlah nilai modal seperti yang telah dilakukan baru-baru ini terhadap nilai saham Oriental Bank, Supreme Finance dan First Malaysia Finance pada bulan Mac lalu, dan baru-baru ini pula koperasi yang telah melabur dalam Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) supaya menghapuskan kesemua jumlah pelaburan sebanyak \$44.7 juta, wang pelaburan kira-kira 260 buah syarikat koperasi yang mempunyai lebih kurang 730,000 ahli mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah keadilan kepada rakyat umum yang mungkin pelabur kecil atau pertimbangan yang diberi terhadap kesan menghapuskan wang pelaburan sejumlah besar itu ke atas keadaan kewangan institusi kewangan berkenaan dan seterusnya ke atas kepentingan ahli-ahli mereka.

Ketidakadilan terhadap masyarakat pada umumnya bertambah-tambah apabila segala urusan atau rundingan penyelesaian dilakukan secara rahsia dan hanya keputusan akhir diumumkan, sama ada alternative yang lebih memihak kepentingan pendeposit telah ditolak dan diterima pula pilihan yang lebih mementingkan syarikat dan pihak Bank Negara berlaku atau tidak, tidaklah diketahui kita. Malahan, Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat mengenai keadaan berbagai-bagai cabang sistem kewangan negara enggan juga diberi kepada pihak kami Wakil-wakil Rakyat. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya mengenai keadaan syarikat-syarikat insurans dalam negara ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (2) yang ringkasnya dijelaskan telah menyalahguna hak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hal soal-soal yang saya kemukakan adalah berdasarkan kandungan laporan tahunan Ketua Pengarah Insuran tahun 1988. Di antara soalan-soalan yang telah saya bangkit ialah mengapakah syarikat insurans dibenar memberi jaminan kewangan sebagai sekuriti kepada pinjaman, sungguhpun mereka kurang berpengalaman dalam aspek kewangan ini dan sama ada tindakan tersebut menerima berkat Kerajaan. Di samping itu saya juga telah bertanya bagaimana hasil pemeriksaan Pejabat-pejabat Ketua Pengarah menyiasat punca-punca sebenar sebanyak-banyak aduan diterima daripada orang ramai mengenai syarikat insurans, keadaan kekurangan modal di setengah-setengah syarikat insurans serta langkah-langkah dan kemajuan yang dicapai oleh syarikat-syarikat berkenaan untuk mengatasi masalah ini. Adakah ianya salah bagi seseorang Wakil Rakyat untuk bertanya soalan-soalan ini memandangkan sektor insurans terlibat sekurang-kurangnya 1,783,102 orang rakyat yang memiliki

polisi insurans nyawa dalam 58 buah syarikat insurans yang ditubuhkan di Malaysia. Jika soalan-soalan ini tidak ditanya, maka bagaimanakah kepentingan rakyat dapat dilindungi daripada kelalaian Kerajaan sendiri, apatah lagi daripada penyelewengan pecah amanah oleh pegawai-pegawai syarikat kewangan yang telah pun dibuktikan oleh pelbagai kes penyelewengan yang sebahagiannya dihadapakan ke mahkamah dan ada juga penjenayah besar ini di penjara.

Jika akaun amanah yang bergelar Bank Negara Malaysia Staff Welfare Accounts boleh ditubuhkan untuk menjaga kebajikan pekerja bank termasuk tanggungan mereka, mengapakah pula tabung wang yang sama diteraskan bagi melindungi kebajikan pendeposit yang tidak berdosa atau mempunyai apa-apa bahagian di dalam penyelewengan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Pesuruhjaya Insurans khasnya bagi industri insurans yang benar-benar bebas dan dianggotai oleh tokoh-tokoh yang tidak mempunyai kepentingan langsung di dalam sektor yang mereka mengawasi sebagai alternatif kepada memperluaskan bidang kekuasaan Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan penubuhan sebuah Pesuruhjaya Insurans ini atas kekhawatiran saya bahawa setakat ini Bank Negara tidak mempunyai kemampuan untuk mengawasi dan mengawalseliakan kegiatan-kegiatan insurans yang terdapat di negara ini dan bidang insurans akan memperkembangkan dari sekarang dan pesatnya perkembangan dan kemajuan aktiviti insurans di negara ini. Sekarang ini saya nampak Bank

Negara tidak bolehlah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi kenyataan saya iaitu Bank Negara tidak boleh berlagak sebagai gamekeeper and poacher at the same time. Bank Negara cannot be the gamekeeper and poacher at the same time, it is just cannot be done". Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri senyum juga kerana dia tahu Bank Negara tidak mampu buat masa sekarang, sebab itulah saya mencadangkan satu Pesuruhjaya Insurans ditubuhkan dan dianggotai oleh orang-orang yang berkelayakan, yang jujur, yang tidak akan memecah amanah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

4.23 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai membahar suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Dalam perkara insurans dan takaful ini, saya rasa dalam perkara ini dalam segi makna dan bahasa—"insurans" itu agak saya dalam bahasa Inggeris, "takaful" itu dalam bahasa Arab—tetapi saya rasa maksudnya ialah perbezaan antara perjalanan-perjalanan insurans dengan takaful itu tentu berbeza kerana berbeza nama.

Dalam perkara insurans, perkara yang patut dititikberatkan ialah tentang layanan-layanan pihak syarikat-syarikat insurans kepada ahli-ahli yang membayar atau menjadi ahli insurans, apabila mereka terkena sesuatu malapetaka yang tidak diingini, maka didapati cara pelaksanaan pembayarannya sungguh

lambat sekali sehingga setengah-setengahnya memakan masa bertahun-tahun. Kalau sekiranya saya kata, kalau orang kena kemalangan, kemalangan itu sudah baik, sudah lama boleh berjalan, sehingga bertahun-tahun pembayaran kepada ahli-ahlinya belum diselesaikan. Itu satu. Yang keduanya, dengan bijak laksana loyar-loyar yang tersebut ada kala sehingga sampai tidak berbayar langsung. Ini tak mengapalah agaknya kerana di bawah perkataan "insurans", tetapi kalau di bawah "takaful" dalam bahasa Arab ini agaknya berlainan sedikit ataupun makna serupa. Kalau hendak dikira dalam segi bahasa serupa sahaja itu, cuma dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Arab, itu sahaja—"takaful" dalam bahasa Arab; "insurans" dalam bahasa Inggeris. Tetapi saya mengharapkan atas nama "takaful" ini biarlah berbeza dengan "insurans" dalam bahasa Inggeris itu. Kalau insurans ini kita tengok dalam segi keadilan banyak kita dapati tidak ada adilnya dalam itu, misal kata insurans body kereta—First Party diambil berat, dibayar dengan secara baiknya tetapi kalau Third Party tidak ada layanan langsung, padahal itupun duit, yang ini pun duit. First Party kerana bayar mahal, Third Party bayar murah, tetapi itu pun wang, ini pun wang. Sepatutnya tak kira First Party, Third Party—mesti kena bayar, walaupun Third Party bayarannya murah.

Jadi oleh itu saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Kewangan dalam perkara ini supaya dititikberatkan. First Party, Third Party tentang pembayarannya mesti dibayar serupa, cuma sedikit banyak perbezaannya.

Takaful—saya mencadangkan dalam takaful ini lebih bermakna dalam segi adilnya daripada di bawah "insurans" yang disebutkan dalam bahasa Inggeris itu kerana orang-orang kampung khasnya orang-orang Islam apabila sebut takaful itu, jadi dia

merasai bahawa ini semuanya moleklah, serba-serbi barangkali baguslah apabila disebut dalam bahasa Arab. Tetapi kalau disebut dalam bahasa Inggeris, tak apalah sedikit sebanyak kalau menyeleweng dan sebagainya, jadi mereka kata tak apaiyah, tetapi kalau disebut takaful, mereka sudah merasai sedap hati. Begitu juga misalan kalau judi, agaknya kalau judi ini diberi nama "maisir", sedap sedikit agaknya, boleh longgar sedikit agaknya kalau dalam bahasa Arab. Tetapi bila nama "judi", jadi orang rasa tak sedap. Jadi jang-jangan pula esok judi pun diberi nama "maisir" pula, biar jadi longgar sedikit macam takaful dengan insurans inilah.

Saya mengharapkan atau mencadangkan di sini sekalian jemaah-jemaah Haji yang menunai fardu Haji dimestikan ataupun diberi kemudahan kepada mereka semua kena masuk takaful ataupun insurans secara Islam kerana orang-orang yang menunaikan fardu Haji itu banyak perkara bahaya-bahayanya di sana kerana menunaikan fardu Haji ini kalau mengikut dalam Islam mengatakan "jihad" atau berperang sabil, sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: "Aljihabillah kitalufiz"—jihad yang tidak berperang ataupun tidak menggunakan senjata—"Al hajji wal umrah" kata Nabi, iaitu Haji dan Umrah itu adalah perang sabil ataupun jihad yang tidak menggunakan senjata. Memberi erti bahawa semasa menunaikan fardu Haji dan Umrah adalah di sana banyak perkara-perkara, rintangan-rintangan yang bahaya-bahaya yang berkemungkinan akan kena kepada mereka itu. Jadi sesuai sangat kita sebagai umat Islam yang tiap-tiap tahun mengerjakan Haji lebih daripada 20,000 kesemuanya itu dimasukkan ataupun dimestikan kepada mereka itu masuk insurans, kita namakan insurans secara Islam ataupun hendak dinamakan takaful pun tak apa jugalah.

Perkara-perkara yang dimasukkan dalam insurans orang-orang yang mengerjakan haji ini, sekiranya mereka mendapat kemalangan di sana ketika menunaikan Fardu Haji maka dibayar oleh pihak Takaful atau insurans Islam ini, kecuali jika mereka mati secara mati biasa, itu tidak termasuklah, ataupun hendak dimasukkan juga kerana mereka meninggal dunia atau mati di seberang laut. Selain daripada itu, saya mencadangkan supaya pihak Takaful menubuhkan satu Suruhanjaya Takaful ataupun Jawatankuasa Khas bagi Takaful ini iaitu apabila sahaja berlaku sesuatu, orang-orang yang menjadi ahli ataupun yang membayar Takaful ataupun insurans secara Islam ini, perkara-perkara yang bersangkutan dengan mereka tidak dibawa kepada lawyer biasa, sebab kalau dibawa kepada lawyer biasa, dengan kepintaran, kebijaksanaan lawyer tadi boleh membawa yang betul-betul patut dibayar oleh insurans maka harus tidak dibayar kerana kebijaksanaan lawyer di sebelah Takaful tadi, bukan di sebelah Ahli Takaful itu. Tetapi kalau kita adakan satu Suruhanjaya ataupun Jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang faham dalam agama ataupun orang-orang yang berkelulusan dari jurusan agama dan undang-undang, dan Jawatankuasa ini terdiri daripada mereka yang faham dalam Islam ataupun faham undang-undang Islam, apabila berlaku sahaja sesuatu kemalangan, bagi orang-orang yang masuk jadi ahli Takaful tadi, maka dibela oleh orang-orang ini, iaitu yang, terdiri daripada Jawatankuasa tadi yang mana mereka faham dalam Undang-undang Istam supaya tidak lari daripada adil sesungguhnya-sungguhnya.

Tetapi kalau sekiranya kita bawa kepada lawyer biasa, macam saya kata tadilah, atas kepintaran lawyer tadi, boleh jadi kita tidak bayar kepada mereka. Kalau hendak dikira kepada siapa yang masuk dalam Takaful ataupun insurans secara Islam, kalau

misal dia kena langgar kereta, kalau hendak dikira dalam undang-undang biasa atau civil law—siapa yang salah, kalau driver bagi pihak kereta yang salah baharulah barangkali dibayar, tetapi kalau pihak orang yang kena langgar itu salah, misalnya salah melintas atau saiah bagaimanakah, jadi tidak kena bayar—itu mengikut undang-undang biasa. Tetapi kalau mengikut dalam Islam kena bayar, sebab yang melanggar itu adalah kereta, jadi dalam soal satah kerana misal kata dia berjalan di sebelah kanan ataupun dia melintas ketika kereta sedang laju dan sebagainya, walau macam mana pun dalam Islam driver ataupun kereta itu salah. Sebab kereta itu yang melanggar dan sebab kereta itulah yang membawakan dia cedera. Soal sama ada dia berjalan sebelah kanan atau sebelah kiri itu tidak timbul kalau dalam Islam.

Selain daripada itu, orang-orang yang masuk menjadi ahli Takaful atau membayar Takaful ataupun insurans secara Islam, orang-orang yang didapati rumah mereka kena sesuatu ancaman yang tidak diduga seperti rumah terbakar—kalau ikut dalam undang-undang, selain daripada undang-undang Islam tentulah hendak tahu punca kebakaran itu daripada mana. Kalau misalnya dia sendiri memasang api dapur dan kemudiannya dia sendiri yang menyebabkan terbakarinya rumah dan sebagainya, itu barangkali kalau dalam undang-undang biasa tentulah pembayaran itu sedikit sulit dan sebagainya, tetapi kalau mengikut dalam Islam seseorang yang masuk Takaful ataupun insurans Islam, walaupun mereka sendiri yang menyebabkan kebakaran, tangan mereka sendiri yang menyebabkan kebakaran, tetapi tidak ada pula dia niat untuk membakar—dia bertujuan untuk memasak, untuk memasang pelita dan sebagainya tetapi kejadian itu berlaku, rumahnya terbakar disebabkan dia memasang lampu, tetapi dianya tidak berniat untuk

membakar dan sebagainya, maka bagi pihak insurans kena bayar kepada mereka.

Selain daripada itu, hari ini kita tengok apabila berlaku satu-satu kemalangan seperti kena ribut, misal kata ataupun tanaman mereka diserang oleh banjir ataupun pokok getah mereka terbakar atau rumah mereka kena timpa batang kelapa ataupun batang kayu ataupun roboh rumah disebabkan angin. Hari ini kita tengok mereka ini diberi bantuan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat, rasa saya daripada kumpulan wang Takaful ini boleh dimasukkan bantuan ataupun pertolongan daripada wang-wang ini kepada kemalangan-kemalangan seperti apa yang saya sebutkan tadi, kerana kalau setakat Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi bantuan selalu kita nampak tidak berpadanan. Oleh yang demikian, bagi ahli-ahli yang hendak masuk Takaful mereka kena berikrar ataupun berakad secara Islam bahawa wang yang dia masukkan itu diserahkan untuk memberi kuasa untuk membantu seperti apa yang saya sebutkan tadi. Jadi, daripada Kumpulan Wang itu sudah halal bagi kita untuk menolong secara langsung kepada kemalangan-kemalangan, mala petaka sebagaimana apa yang saya sebutkan tadi, walaupun mereka yang kena kemalangan ini tidak terdiri daripada orang yang menjadi ahli Takaful tadi.

Sesudah kita bantu mereka daripada wang yang telah kita bantu kepada mereka, daripada bermula itu kita minta kepada dia masuk menjadi ahli insurans ataupun membayar insurans. Daripada bermula itu baru dia menjadi ahli atau membayar insurans secara takaful tadi. Jadi, memberi erti bahawa wang yang kita dahului kepada mereka untuk membantu tadi, kemudian barulah dia dengan sendiri, dengan redanya dia akan menjadi ahli atau masuk menjadi ahli takaful ataupun

insurans. Jadi, seolah-olahnya secara Islam betul kita menjalankan ini bahawa kita mendahului pertolongan dahulu di atas nama takaful tadi, selepas itu baru mereka menjadi ahli. Jadi, daripada ahli yang mereka akan bayar setahun berapa, setahun berapa, setahun berapa, dengan cara itu satu daripada menampakkan bahawa takaful ini benar-benarlah menolong orang, takaful ini benar-benarlah satu matlamat untuk menolong rakyat, tidak terkecuali apa bangsa.

Begitu juga takaful ini bukan memberi erti bahawa disekat kepada orang-orang bukan Islam. Apabila sudah nama "takaful", jadi orang bukan Islam pun tidak boleh hendak menyertai sama, tidak ada sangkutnya itu. Orang Islam atau tidak Islam serupa, bukan erti hendak dihadkan kepada orang Islam sahaja yang jadi ahli ini. Orang Islam pun boleh, tidak Islam pun boleh, cuma nama sahaja takaful ini supaya orang-orang Islam sendiri tengok insurans secara Islam ini lebih baguskah ataupun insurans secara tidak Islam ini lebih bagus, daripada sini dapat kita orang Islam sendiri dan bukan orang Islam dapat membuat perbandingan antara dua insurans ini. Yang kita tengok biasa insurans-insurans ini kalau orang menjadi ahli insurans, sudah bayar insurans, kalau dia kena malapetaka barulah dibayar kepada mereka, itupun sekiranya didapati dalam undang-undang bahawa mereka ini patut dibayar mengikut dalam saluran-saluran yang tertentu bagi mereka. Tetapi kalau sekiranya macam saya kata tadi, kalau kena ribut, tanaman mereka hancur ataupun rumah mereka roboh kena ribut dan sebagainya, bagi mereka yang tidak masuk insurans maka pihak syarikat insurans tidak bayar kepada mereka ini, tetapi takaful kita beri dahulu, kita bayar dahulu, selepas itu baru dia masuk. Jadi, dengan adanya bertahun-tahun mereka akan masuk menjadi ahli takaful ataupun menjadi ahli insurans

secara Islam tadi lama-kelamaan duit yang kita bantu mereka itu akan terhapus dengan sendiri, akan terbayar sendiri. Tetapi kita bezakan antara insurans Islam dengan insurans tidak secara Islam, bezanya betapa indah dan betapa bagusnya secara Islam ini mendahului dahulu. Dengan cara-cara ini rasa saya, insya Aliah, takaful atau insurans secara Islam ini lebih maju daripada insurans yang tidak secara Islam.

Itulah sahaja pandangan saya dalam membahas Akta yang tersebut ini dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada siapa yang hendak berucap lagi? Ya, Yang Berhormat dari Pagoh.

4.44 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, tmdakan Kementerian Kewangan membuat pindaan-pindaan Ordinan Bank Negara ini memang patut dialu-alukan. Rakyat sedar di atas beberapa skandal kolar puteh yang berlaku berleluasa di bank-bank dan juga di institusi-institusi kewangan. Langkah ini saya harap akan dapat membendung perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan walaupun tidak dapat menyekat 100% penyelewengan di bank-bank dan institusi kewangan tetapi ianya akan dapat sekurang-kurangnya mengawal dan memperbaiki lagi pengawalseliaan bank-bank dan juga institusi kewangan dan seterusnya akan mengembalikan imej dan prestasi bank-bank dan

istituti kewangan di negara ini. Dengan ini juga kita mengharapkan sistem kewangan negara akan menjadi lebih teguh dan mantap dan keyakinan pelanggan akan kembali pulih.

Dalam Fasal 6 iaitu pindaan bagi tujuan meminda perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 14 Ordinan untuk menjelaskan bahawa seseorang pengarah adalah dilarang menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga bila mana perkara mengenai kontrak yang di dalamnya dia mempunyai kepentingan sedang ditimbangteliti. Pindaan ini adalah wajar dan akibat daripada pindaan ini sudah tentulah akan membantu membersihkan timbangteliti mengenai sesuatu kontrak daripada "conflict of interest", dengan izin, dan juga keputusan yang tidak adil dan juga berat sebelah. Fasal ini dengan sendirinya menghalang pengarah terlibat daripada menggunakan pengaruh kedudukan dan juga kuasanya bagi menentukan sesuatu keputusan. Dengan ini juga Lembaga akan dapat menjalankan tugas secara bersih dan terhindar daripada sebarang penyelewengan.

Seterusnya mengenai Fasal 9 (1) memasukkan seksyen baru 16A ke dalam Ordinan. Subseksyen (1) seksyen ini memberi kuasa kepada bank untuk memberi maklumat kepada seseorang pegawai polis mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan oleh mana-mana orang, di mana syak itu telah timbul semasa menjalankan kuasa-kuasa Bank, menunaikan tugas-tugasnya, atau melaksanakan fungsifungsinya, di bawah Ordinan, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, atau di bawah mana-mana jua pun undang-undang bertulis lain.

Tuan Yang di-Pertua, bank memang patut memberi maklumat kepada

seorang pegawai polis mengenai apa juga kesalahan-kesalahan yang disyaki dilakukan oleh mana-mana pihak yang terlibat sewaktu menjalankan tugas dan tidak kira sama ada kes itu kes yang besar ataupun kes yang kecil. Mana-mana orang yang menjalankan tugas dan menyeleweng haruslah diberikan maklumat itu kepada pihak polis. Laporan yang segera akan menghindarkan kejadian penyelewengan menjadi lebih besar dan rumit. Seterusnya pihak polis akan dapat segera mengambil tindakan yang perlu bagi menyekat kejadian penyelewengan ini. Laporan pihak bank dan tindakan polis yang segera akan dapat menyekat pesalah itu mendapat peluang menyelamatkan diri. Tindakan kerjasama bank dan polis yang segera akan dapat menentukan segala langkah perlu dapat diambil untuk menghalang mereka yang disyaki melakukan rancangan-rancangan untuk menyelamatkan dan melepaskan diri dari tindakan berkuasa. Contoh-contoh yang lepas menunjukkan ramai penjenayah-penjenayah di institusi kewangan dan bank telah berjaya meluluskan diri mereka keluar dengan wang yang berjuta ringgit. Oleh itu, fasal ini amat penting dikuatkuasakan dan kejayaannya adalah bergantung atas kepantasan dan kerjasama semua pihak yang terlibat mengadakan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang wajar.

Dalam Fasal 11, 12 dan 13, fasal ini adalah menentukan supaya orang ramai mempunyai tabiat yang baik kerana daripada keadaan yang ada sekarang tabiat menconteng wang kertas ini sudah sampai ke satu tahap yang begitu buruk. Ramai di kalangan masyarakat kita, khususnya di negara ini yang tiada kerja lain melainkan menconteng wang kertas terutama nombor-nombor ekor ataupun nombor-nombor yang lain ataupun perkataan-perkataan yang sengaja ditulis untuk menyampaikan hasrat dan memuaskan hati masing-masing.

Jadi, tabiat mencacatkan wang kertas ini sudah menjadi-jadi dan sudah sampai ke satu tahap yang patut dikawal kerana jika tidak dikawal akan menjejaskan kedudukan wang-wang kita yang semakin lama semakin banyak rosak dan ini akan juga menyulitkan penggunaannya di kalangan orang ramai. Oleh sebab itu langkah ini adalah amat baik dan Fasal ini sudah tentu akan menyekat 100% daripada kerja-kerja yang sentiasa merosakkan wang-wang kertas negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam Fasal 30 (c) bertujuan meminda Seksyen 49 Ordinan dengan memasukkan sub-seksyen baru (4) yang membolehkan bank memberi pinjaman pengajian atau biasiswa kepada mana-mana pegawai atau pekerja bank atau mana-mana anak termasuk anak tiri atau anak angkat pegawai atau pekerja atau kepada mana-mana orang yang sesuai mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Lembaga secara am atau dalam mana-mana hal yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini amatlah sesuai kerana peranan Bank Negara semakin besar. Tugas dan tanggungjawab Bank Negara juga begitu penting dan pegawai-pegawai di Bank ini patutlah ditingkatkan lagi dari segi keupayaan mereka, kebolehan mereka dan kecekapan mereka serta dari segi professionalism mereka. Jadi, usaha ini akan membantu ke arah perkara-perkara yang saya telah sebutkan dan dari segi peranan bank diharap akan lebih berkesan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah perbincangan saya dalam Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.53 ptg.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini bagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli dari Pasir Mas, Kepong, Kuala Nerus dan juga Pagoh yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat beberapa pindaan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 bagi menyesuaikan tafsiran-tafsiran dan rujukan-rujukan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan ianya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit ke atas Akta-akta seperti yang saya sebutkan dalara pembentangan tadi. Oleh sebab itu tidak banyak isu-isu yang telah ditimbulkan baik Ahli dari Pasir Mas mahupun dari Kepong. Kebanyakan perkara yang dibangkitkan adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan semula sewaktu kita membahaskan Rang Undang-undang Akta Bank dan Institusi Kewangan beberapa hari yang ialu.

Misalnya Ahli dari Pasir Mas telah membangkitkan mengenai skandal dalam institusi-institusi kewangan. Memangnya kita mengetahui banyak penyelewengan telah berlaku, sebab itulah kita mengambil tindakan dengan memperkenalkan suatu Akta Bank yang baru seperti yang telah diluluskan dan membuat pindaan dalam Akta Bank Negara ini. Kementerian Kewangan melalui Bank Negara akan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi mengawasi penyelewengan-penyelewengan dalam institusi kewangan. Ini termasuklah memperkemaskan kawalan dalam Bank Negara dan semua institusi-institusi kewangan.

Mengenai penyelewengan yang disebutkan tadi, Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan segera ke atas sesuatu masalah yang timbul misalnya dalam kes BMF dan Koperasi Pengambil Deposit, pindaan undang-undang sewajarnya telah pun dibuat sebelum ini. Sebagaimana yang kita maklum dan ketahui walau apa pun yang kita wujudkan dan perkenalkan dalam Akta-akta dan Undang-undang, ia tidak dapat menghalang sepenuhnya penipuan dan penyelewengan,

Kes-kes mengenai Koperasi Pengambil Deposit, kes kehilangan wang di Bank Negara dan masalah CCB telah banyak kali diperjelaskan di dalam Dewan ini melalui jawapan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dan juga melalui jawapan penggulungan saya sewaktu menggulung perbahasan berkenaan dengan Akta Bank dan Institusi Kewangan baru-baru ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk mengulang kembali jawapan-jawapan itu, bolehlah dirujuk kepada rekod-rekod yang ada di dalam persidangan Dewan ini. Tetapi suka saya memberikan jaminan kesemua penyelewengan-penyelewengan ini akan diasiat dengan teliti dan rapi dan tindakan-tindakan yang bersesuaian akan diambil mengikut undang-undang dan juga peraturan yang ada. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan keyakinan kepada Kementerian dan agensi-agensinya yang mana kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membaiki keadaan ini terutamanya selepas Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Namun begitu saya juga ingin sedikit mengulas Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mengatakan Kementerian mengambil masa sehingga dua tahun untuk membuat pindaan kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan. Sebenarnya masa

tersebut diambil adalah kerana kita memerlukan kajian yang teliti sebab pindaan ini adalah melibatkan perkara yang besar dan oleh itu kita perlulah berhati-hati supaya semua kepentingan semua pihak akan dapat diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan mengenai SEG Insurans. Syarikat insurans ini adalah dalam proses pembubaran. Syarikat ini adalah syarikat insurans dan tidak menerima deposit tetapi menerima premium insurans. Pihak pembubarannya sedang menentukan jumlah yang boleh dibayar balik kepada pelanggan-pelanggannya berdasarkan jumlah aset. Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan masalah pendeposit-pendeposit dalam institusi kewangan. Bagi pendeposit-pendeposit di institusi kewangan di bawah Bank Negara, Kerajaan akan membayar balik tanggungan-tanggungan institusi kewangan tersebut. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak akan menjamin hak pemegang saham yang mana pelaburan mereka adalah terbuka kepada risiko-risiko pelaburan biasa. Usaha yang diambil oleh Kerajaan ke atas Oriental Bank, First Malaysia Finance dan Supreme Finance adalah bertujuan untuk melindungi hak pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah membangkitkan masalah Takaful dan beberapa perkara yang berkaitan. Memanglah Ahli Yang Berhormat itu mempunyai kelulusan di bidang Undang-undang Islam daripada Universiti Al-Azhar. Walau bagaimanapun mengenai kedudukan insurans dan takaful yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, terutamanya berkenaan dengan cadangan supaya bakal-bakal haji diperluaskan perkhidmatan Takaful ini, saya cadangkan supaya pihak Yang Berhormat mengesyorkan supaya Lembaga Urusan dan Tabung Haji

memperkenalkan insurans Takaful ini kepada jemaah-jemaah haji kerana ia melibatkan masalah orang-orang perseorangan. Tentang cadangan supaya ditubuhkan Pesuruhjaya Takaful untuk membela pelanggan-pelanggan yang mengambil perkhidmatan Takaful ini, Kementerian Kewangan merasakan ia tidak perlu dibuat pada masa ini kerana pihak Bank Negara sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi memperbaiki aktiviti Takaful dan juga insurans.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini Kerajaan akan sentiasa dari masa ke semasa merujuk dan mendapatkan pandangan-pandangan daripada tokoh-tokoh agama supaya ianya bersesuaian dengan prinsip agama kita dalam melaksanakan Takaful ini.

Yang akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh Kementerian dan kita akan menyiasat dan mengkaji. Manamana yang bersesuaian akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTARUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989 iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini telah banyak dikemukakan saranan serta desakan oleh berbagai pihak termasuklah Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Negara yang mahukan Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang tegas bagi mengawal dan mengurangkan kegiatan judi. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa peka terhadap pandangan serta saranan yang membina dari mana-mana pihak maka tindakan mengemukakan pindaan-pindaan kepada Ordinan ini diambil bagi menyahut saranan-saranan serta seruan yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Tindakan meminda Undang-undang ini yang meningkatkan lagi denda serta

hukuman kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini adalah merupakan tindakan tegas yang diambil di samping beberapa langkah untuk mengawal kegiatan perjudian terutamanya judi dan pertaruhan haram yang pernah diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan-laporan yang diterima daripada pihak penguatkuasa adalah didapati bahawa bilangan kes yang melibatkan judi dan pertaruhan haram adalah meningkat sejak beberapa tahun ini. Tangkapan oleh pihak Polis telah meningkat daripada 4,953 kes dalam tahun 1986 hingga ke 8,350 dalam tahun 1988. Andainya tindakan untuk membendung kegiatan judi dan pertaruhan haram ini tidak diambil segera ia akan menyulitkan lagi masalah ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Singapura telah memperketatkan undang-undang berkaitan dengan rumah perjudian terbuka dan pertaruhan dengan peruntukan penalti minimum dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya. Adalah dikhuatir sindiket-sindiket yang beroperasi di Singapura akan memindahkan kegiatan mereka ke negara-negara dan negeri-negeri yang berhampiran untuk mengelakkan undang-undang yang ketat di Singapura. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku dan ianya dapat dibendung di peringkat awal lagi, adalah difikirkan perlu diambil tindakan memperketatkan peruntukan-peruntukan undang-undang negara kita ini khususnya Ordinan Pertaruhan 1953 dan juga Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 pada sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta ini mula berkuatkuasa hingga masa ini, nilai matawang kita telah menurun dan dengan yang demikian hukuman-hukuman denda yang diperuntukkan di

dalamnya berbanding dengan keadaan semasa adalah tidak lagi realistik, terutamanya hukuman-hukuman ini adalah terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan jumlah wang yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram adalah didapati bahawa pada lazimnya ramai di kalangan yang tertangkap adalah orang-orang suruhan dan tidak ketua-ketua sindiket yang menganjur serta membiayai operasi tersebut. Oleh kerana denda dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka mengikut peraturan undang-undang yang sedia ada tidak tinggi dan berat, kebiasaannya orang-orang suruhan ini bersedia menghadapi risiko kerana mereka tahu yang ketua sindiket akan membantu mereka untuk membayar denda tersebut. Adaiiah diharapkan dengan dikenakan denda minimum serta hukuman penjara mandatori yang dicadangkan ini, ianya akan dapat mengurangkan golongan orang suruhan ini daripada melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hanya memperuntukkan hukuman maksimum tidak dapat menjamin kejayaan untuk mendapat satu hukuman yang setimpal dengan kesalahan kerana apa-apa hukuman yang dijatuhkan berasaskan kepada peruntukan maksimum akan bergantung kepada budibicara, mahkamah dan di dalam banyak hal mungkin hasrat untuk mendapat satu hukuman yang betul-betul menggambarkan ketegasan pihak Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi dan pertaruhan haram tidak tercapai. Di atas hasrat ini, maka difikirkan bahawa hukuman denda minimum perlu diperuntukkan di dalam cadangan pindaan ini. Alasan yang sama juga adalah terpakai berhubung dengan peruntukan hukuman penjara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 2 Ordinan Pertaruhan 1983 ini ialah antara lainya mengajukan takrif-takrif, dengan izin, "betting information centre", "equipment", "sporting event", "telecommunication" dan "telecommunication system" yang berbangkit daripada pemasangan seksyen baru 9A ke dalam Ordinan ini. Cadangan kepada seksyen 4 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan supaya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini meliputi juga kesalahan mengendalikn pusat maklumat pertaruhan, Penalti maksimum di bawah seksyen ini juga telah dinaikkan daripada penjara selama dua tahun atau denda sebanyak \$20,000 kepada denda tidak kurang daripada \$20,000 tetapi tidak melebihi \$200,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 5 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan mendahulukan wang bagi menubuhkan rumah pertaruhan terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama 12 bulan atau denda sebanyak \$10,000 kepada denda tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak melebihi \$100,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi 5 tahun. Cadangan pindaan kepada seksyen 6 subseksyen 1 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan membuat pertaruhan dalam rumah pertaruhan terbuka dan menerima pertaruhan di bawah seksyen itu daripada denda sebanyak \$250 kepada denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Cadangan pindaan kepada subseksyen 3 seksyen 6 Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan menggantikan subseksyen tersebut dengan subseksyen baru bagi mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di bawah subseksyen itu di

sampihg menaikkan penalti bagi kesalahan di bawahnya. Cadangan pindaan kepada seksyen 6A bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan menerbitkan dan mengumumkan keputusan lumba kuda di bawah seksyen itu daripada denda tidak melebihi \$2,000 kepada denda tidak kurang daripada \$5,000 dan tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 9 Ordinan Pertaruhan 1953, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan menambahkan dua lagi keadaan di mana sesuatu tempat boleh disifatkan sebagai rumah pertaruhan terbuka bagi maksud kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Pertaruhan 1953.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan memasukkan seksyen 9A baru ke dalam Ordinan Pertaruhan 1953 bertujuan mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai anggapan bagi pusat maklumat pertaruhan yang mana adalah perlu berikutan dengan kesalahan baru yang diwujudkan bagi pengendalian pusat-pusat tersebut. Peruntukan mengenai anggapan ini adaiiah perlu, memandangkan bahawa sukarnya mengetengahkan saksi-saksi oleh kerana sindiket-sindiket yang menggunakan ancaman dan kekerasan yang menyebabkan saksi takut untuk memberi keterangan. Kadang-kalanya keterangan bagi maksud ini secara terus susah diperolehi bagi mencapai ke tahap yang diperlukan oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk

meminda Ordinan Pertaruhan 1953 di baca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.15 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk berucap sama dalam Dewan bagi membahaskan Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan) 1989 yang dibentangkan ini.

Sebelum saya pergi lebih jauh dalam perbahasan ini, ingin saya menarik perhatian Dewan mengenai beberapa istilah tentang perkataan-perkataan yang dipakai dalam Rang Undang-undang ini. Pertama, perkataan "Haram", kedua perkataan "Halal" dan ketiga perkataan "Kebajikan".

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita mendengar perkataan-perkataan "judi haram", "judi halal", "loteri haram", "loteri halal", "samsu haram", "samsu halal" atau "loteri kebajikan masyarakat".

Saya ingin tahu dari manakah diambil perkataan-perkataan ini dan apakah maksud Kerajaan mengistilahkan perkataan-perkataan seperti ini? Sebab, Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam apabila disebut "haram" maka haramlah terus-menerus, samalah juga apabila disebut "halal" maka halal jugalah terus-menerus. Begitu juga "kebajikan", apabila disebut perkataan itu, maka kebajikan sahajalah, tidak ada lagi keburukan dan sebagainya, tetapi apabila kita merujuk kepada undang-undang Kerajaan, maka kita dapati ada judi halal, judi haram, loteri halal, loteri haram, samsu halal, samsu haram, arak halal, arak haram. Nasnya ada lesen, "halal". Tidak ada lesen, haram. Lesen yang menentukan haram-halal, bukan hukum dan

pegangan hidup yang menentukan haram-halal. Ajaran siapa dan pegangan hidup Kerajaan Islam mana yang bertindak demikian? Inikah sebenarnya kerja Kerajaan yang bertanggungjawab dengan slogan bersih serta cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya tujuan Kerajaan menghalal dan mengharamkan judi ini? Apakah tak boleh, atau tak berani Kerajaan mengharamkan terus dan langsung amalan judi dan punca-punca maksiat seperti ini? Berapa puluh tahun lagikah Kerajaan hendak bersandiwara dengan benda-benda haram ini? Dan selama manakah Kerajaan mahu bergelumang dengan dosa ini? Apakah Kerajaan masih tak yakin dan tak cukup alasan-alasan untuk bertindak tegas dengan perkara ini? Kerajaan malu kepada siapa? Kerajaan takut kepada siapa? Kerajaan mahu untuk sebanyak mana? Kerajaan mahu memerintah sampai bila? Apakah Kerajaan merasa gagah dan kuat selama-lamanya? Kalau Kerajaan benar-benar bertanggungjawab dan insya Allah kita sama-sama bertanggungjawab marilah kita merenung sejenak dan menyedari hakikat yang sebenarnya.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat yang mewakili Parti Islam SeMalaysia (PAS), ingin menyatakan dengan tegas di sini dengan penuh rasa bertanggungjawab menyeru pihak Kerajaan supaya bersikap tegas dan berani bertindak untuk menghapuskan segala punca-punca maksiat dan anasir-anasir yang boleh membawa kepada kemusnahan dan keruntuhan akhlak serta merosakkan kehidupan rakyat umum, terutama mengenai judi yang sedang kita bahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak mahu amalan dan tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini walaupun dengan meminda Akta-akta dan meluluskan Enakmen-enakmen tetapi tidak tepat

dengan kehendak hukum syarie dan melencong jauh dari asas-asasnya, tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh Tuhan sehingga kesannya tidak seberapa dan hasilnya pun tidak jelas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 30 tahun lebih ini kita mengakui Kerajaan telah melakukan berbagai-bagai ikhtiar dengan mengadakan projek-projek, perbekalan-perbekalaian dan pindaan-pindaan akta demi untuk memperbaiki dan membetulkan kehidupan rakyat, tetapi sehingga hari ini Kerajaan juga tak pernah sedar tentang punca-punca bahaya dan bunga-bunga racun yang boleh merosakkan rakyat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Apakah Kerajaan masih tidak yakin bahawa judi ini haram sama ada berlesan ataupun tidak. Judi ini dengan tegas diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran-nul-Kariim bahawa ianya adalah najis, amalan syaitan dan hendaklah dijauhi dan judi inilah menjadi punca perkelahian dan permusuhan di antara satu sama lain dan ia akan menghaJang orang-orang Islam dari mengingati Allah dan menyekat mereka dari menunai amal ibadat sembahyang yang menjadi tiang agama Islam yang maha suci. Dengan sebab itu hendaklah dihentikan terus.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beberapa kali membangkitkan dan menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya dapat perhatian Kerajaan, tetapi malangnya hingga ke hari ini pun nampaknya pihak Kerajaan tidak yakin dan tidak mahu bertindak tegas, bahkan bukan setakat itu tetapi Kerajaan sendiri berjudi dan kaki judi.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang minggu pertama dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam maksud

B.30, Kerajaan telah mengeluarkan modal tambahan sebanyak \$101,603,409 kepada Loteri Kebajikan Masyarakat bagi membesarkan projek berkenaan. Ini terang-terang berlawanan sekali dengan usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam, kepimpinan melalui teladan, bersih, cekap dan amanah; apa lagi Kerajaan telah mengakui Islam sebagai agama rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana amalan Kerajaan dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam sedangkan dengan peruntukan itu terang-terang Kerajaan berjudi dan mengeluarkan saham berjuta ringgit kerana judi. Saya tidak faham dan amat anih sekali dengan lakunan dan sandiwara Kerajaan ini. Tindakan ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah Kerajaan telah melakukan satu amalan di mana di sebelah tangan kanan menggenggam nasi, manakala di sebelah kiri pula Kerajaan mengepal najis. Ke mulut siapa Kerajaan hendak suap? Perbuatan ini juga seolah-olah Kerajaan sengaja menghidangkan makanan najis untuk disuap ke mulut rakyat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan itu diibarat bapa dan rakyat pula diibaratkan anaknya maka tidak akan ada seorang bapa pun yang sanggup hendak menyuap najis ke mulut anaknya kalau fikirannya masih waras. Tetapi inilah yang berlaku dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, dan inilah amaian Kerajaan dalam tempoh negara kita merdeka 30 tahun lebih, akibat dari tolak-ansur dengan perkara-perkara merbahaya ini menyebabkan tumbuh berkecambah pokok-pokok judi seperti yang dikenali sekarang, di antaranya Loteri Kebajikan Masyarakat, loteri Big sweep, loteri sweepstake, loteri lumba kuda, 4 Ekor, 4D di Sabah, 3 Nornbor Ekor, Sports Toto, Ascot Sports, judi lumba kuda, judi nombor anjing, mesin slot di kelab-kelab, casino di Genting Highlands, loteri kutip derma

dan bermacam-macam anika jenis bentuk maksiat yang sengaja ditaja untuk perniagaan dan mengaut keuntungan.

Kalau Kerajaan sendiri berjudi, apakah perlunya lagi kepada akta dan undang-undang dibentang dan diluluskan. "Bapa borek, anak rintik". Kalau "bapa kencing berdiri, anak pula kencing berlari". Inilah pepatah orang tua-tua. Mengapa Kerajaan mengeluarkan peruntukan tambahan judi dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah diluluskan dua minggu sudah. Tidakkah ini terbukti jelas bahawa Kerajaan tidak mahu judi di negara ini diharamkan, dan munasabahlah usul-usul yang telah dikemukakan oleh pihak Pembangkang mengenai pengharaman judi ini selalu ditolak dengan mentah-mentah sahaja oleh Kerajaan, sebagaimana contoh terdekat ialah usul tergepar dikemukakan oleh wakil Pasir Mas minggu sudah telah ditolak oleh Tuan Speaker dengan alasan tidak perlu disegerakan dan bila-bila masa pun seperti usul itu boleh dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tujuan besar Kerajaan mengekalkan amalan judi ini adalah semata-mata untuk meraih keuntungan dan mengumpulkan sebanyak-banyak punca hasil negara melalui judi meskipun Kerajaan terpaksa menggadai maruah bangsa dan menjual kehormatan dan kesucian agama. Hal seperti ini telah berlaku di zaman Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di mana setelah wakil dari PAS membawa usul untuk mengharamkan judi Loteri Kebajikan Masyarakat maka Yang Teramat Mulia Tunku telah menolak usul PAS itu dengan alasan kita tidak boleh mengharamkan loteri ini kerana ia menjadi punca hasil negara dan kita perlukan kepada pembangunan negara dan kalau ianya berdosa biarlah saya tanggung dosanya.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, inikah hujah-hujah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah hari ini? Dan sanggupkah pak-pak ustaz dan pak-pak guru, pak-pak lebai yang ada dalam Dewan ini dan anak-anak cucunya menanggung dosa sama seperti yang dijamin oleh datuknya dutu? Di manakah letaknya jaminan Timbalan Menteri Kewangan dan juga Kerajaan sendiri pada suatu ketika dulu dalam Dewan yang mulia ini semasa anggota-anggota Dewan bangun mengecam Kerajaan kerana wabak judi telah melanda negara kita dengan dahsyat sekarang? Bahawa Kerajaan akan mengambil iangkah-langkah segera untuk mengatasinya.

Apakah Tuan Yang di-Pertua, dengan mengetatkan undang-undang atau dengan menambah hukuman yang berat dari denda \$10,000 kepada \$100,000, dari \$5,000 ke \$50,000 atau penjara 5 tahun dan sebagainya seperti maksud pindaan Akta yang sedang dibahaskan sekarang ini maka sudah boleh dikatakan Kerajaan sudah boleh bertindak dan mengambil langkah-langkah yang wajar atau dengan tindakan itu maka orang-orang Islam yang menyokong Kerajaan sudah terlepas dari dosa dan dia tidak berdosa lagi. Cuba tanyalah ustaz-ustaz dan ahli-ahli agama pihak Kerajaan yang ada dalam Dewan ini, terutama sekali Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi dukacita seorang Menteri pun tidak ada.

Seorang Ahli: Ada seorang!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada seorang pun lain. Tidak bertanggungjawab, sebab itulah usul diberi kepada orang lain bawa. Ini semua tidak bertanggungjawab. Sepatutnya yang tadi bawa usul ini. Semua lari—semua lari (*Tepuk*),

Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan tindakan ini maka orang-orang Islam. . . . maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ayat pun sudah lari.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . terutama sekali Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berdosakah ataupun tidak. Atau cukup dengan jadi syaitan bisu menyokong Kerajaan, gaji dapat, pangkat boleh, kedudukan tinggi. Inilah tugas dan inilah amanah yang diberi oleh Allah untuk memimpin negara dan rakyat agaknya . . .

Tuan Mohd. Noh bin Rejab:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat, nanti sekejap,

Tuan Mohd. Noh bin Rejab: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta penjetasan sedikit? Saya ingin bertanya, sama ada Loteri Kebajikan Masyarakat diharamkan di Kelantan masa PAS memerintah Kelantan dulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, orang Kerajaan ini dia tidak mahu mengaku ketemahan dia. Dia tidak mahu taubat dengan dosa dia, siapa yang mengeluarkan lesen, mengapa tanya saya? Kuasa di tangan siapa? Saya ingat dia lebih lama dalam Dewan daripada saya.

Seorang Ahli: Sama!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sama? Kalau sama, terima kasihlah. Tanya Menterilah siapa beri lesen. Kalau PAS memerintah senanglah. Cuba sokong, DAP pun tidak apa. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Kerajaan Republik Iran yang dituduh bermazhab Syiah dan tidak islamic tetapi tidak sampai umurnya 10 tahun

memerintah negara telah bertindak tegas mengharamkan arak, judi dan benda-benda yang bercanggah dengan Islam dan telah pun berjaya. Tetapi Malaysia kita yang mengaku Islam, bermazhab Ahlil-sunnah-waljamaah telah 30 tahun lebih memerintah masih berdolak-dalik dengan hukum Allah dan masih terus menerus mengekalkan amalan maksiat dan hidup penuh dengan dosa dan najis.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dengan kadar mengetat undang-undang dan menambahkan hukuman seperti dicadangkan ini, sekalipun baik pada pandangan Kerajaan, tidak akan memberi apa-apa makna dan tidak akan meninggalkan kesan yang positif sebagaimana Akta Dadah Merbahaya yang telah dipinda beberapa kali dan beberapa bentuk caranya dan saya sendiri telah beberapa kali menegur Kerajaan dalam Dewan ini dan sekarang Akta itu dipinda lagi, sehingga terpaksa merampas kuasa mahkamah untuk mengatasinya setelah harta-harta siterlibat dirampas juga melalui kelulusan Akta yang terdahulu. Tetapi malangnya dadah tetap bertambah hebat dan Kerajaan terpaksa menambah 17 lagi pusat-pusat pemulthan di seluruh negara.

Utusan Melayu hari ini menyiarkan sebanyak 9,000 kakitangan Kerajaan terlibat termasuk pegawai dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 1988 dan 138,000 tahun 1987 dan 77% jenerasi baru. Ini yang telah berlaku di hadapan Kerajaan dan Kerajaan sendiri tahu dan inilah apa yang saya sarankan pada masa lepas bahawa dengan Akta semata-mata tidak akan dapat menyelesaikan masalah kerana kesemua itu berlaku berpunca daripada rohani ataupun batin manusia. Untuk mengubat kebatinan manusia bukan Akta, bukan undang-undang, bukan mahkamah, tetapi mestilah melalui pendidikan, melalui usaha untuk memperbetulkan akhlak

peribadi masyarakat supaya masyarakat masing-masing bertanggungjawab. Bila mana masyarakat bertanggungjawab, maka kalau Akta tidak ada pun tidak mengapa, kalau hukuman tidak berjalan pun tidak mengapa. Sebab itulah kebaikan seseorang bukan kerana Akta, bukan kerana mahkamah, bukan kerana penjara tetapi kebaikan seseorang kerana kesedaran. Saya tidak hendak puji Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang, tetapi pada pandangan saya selama saya berada dalam Dewan, saya hendak cari seorang wakil Kerajaan supaya boleh mengikut apa jizak langkah yang boleh diberi atau ditunjuk olehnya, malah banyak yang menjadi pengacau di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada judi ini besar bencananya dan ia penyakit merbahaya kepada masyarakat umum, terutama kepada generasi baru kerana ianya racun masyarakat, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas mengharamkan terus judi ini dan jangan memberi sebarang perlindungan kepada amalan ini. Sebab-sebabnya seperti berikut:

- (1) ia bercanggah dengan ajaran Islam dan hukumnya haram;
- (2) ia bercanggah dengan ajaran semua agama-agama lain;
- (3) ia bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia di mana Islam sebagai agama rasmi negara;
- (4) ia bercanggah dengan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah";
- (5) ia bercanggah dengan kepimpinan melalui teladan;
- (6) ia bercanggah dengan usaha menerapkan nilai-nilai Islam;
- (7) ia bercanggah dengan keputusan Majlis Belia Malaysia . . .

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Minta penjelasan sedikit. Baru sebentar tadi Yang Berhormat menyebutkan tidak payah ada Akta kerana yang penting ialah pedoman. Tetapi tak sempat habis ayat itu, sekarang Yang Berhormat cakap suruh ada Akta ataupun undang-undang untuk mengharamkan judi. Kita tidak tahu pendirian kerana pada peringkat mula, Yang Berhormat terangkan supaya pendidikan itu yang penting, pendirian itu yang penting, Akta tidak payah ada dan sekaligus bercakap macam lain pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya buat tnisal. Kalau manusia sudah sampai kepada peringkat kesedaran tidak perlu kepada Akta sebab penyakit ini penyakit batin. Bila batin tidak sembuh sebanyak mana Akta, seberat mana hukuman tidak ada kesan. Bukan secara langsung tidak perlu kepada Akta tetapi manusia ini bila peribadi itu terbina, kesedaran itu cukup, tidak perlu kepada Akta. Satu orang yang tidak mencuri, apakah kerana dia takut kepada polis, dia takut kepada mahkamah, takut kepada hukuman? Seorang yang mencuri, apakah kerana dia tidak takut? Dia takut, tetapi fasal apa dia mencuri, fasal hati dia tidak boleh dikawal. Janganlah cuba hendak putar belit . . .

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya cakapkan berkenaan kerana memanglah judi ini dari segi Islam hararn, minum arak pun haram, makan babi pun haram, sebab itu hari ini kita lihat kedai jual daging babi ada, tiada siapa tuntutan supaya kedai jual daging babi ditutup. Kita tidak

larang, tiada undang-undang yang melarang orang Islam supaya tidak makan babi dari segi undang-undang negara tetapi undang-undang Islam ada. Tetapi tiada orang Islam yang makan babi. Begitu juga dari segi arak memang haram, tetapi orang Islam yang tidak ada pedoman, tidak ada iman yang kuat sepertimana kata Yang Berhormat tadi yang pergi minum arak, berzina, berjudi dan sebagainya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi tetapi beliau bercakap dua bahasa, dalam satu saat bercakap macam lain dan di satu saat yang lain bercakap macam lain. Kata beliau banyak yang mengacau dalam Dewan ini. Saya nampak cakapan beliau itu mengacau juga, mengganggu pemikiran kita yang mana hendak setuju yang mana tidak setuju.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji

Arshad: Tuan Yang di-Pertua, beliau masih tidak faham lagi, apa boleh buat. (*Ketawa*) Saya sudah buat misalnya Akta Dadah. Hari ini Akta Dadah sampai Kerajaan mengambil tindakan merampas kuasa mahkamah sebagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan alasan Hakim tidak tahu, Hakim tidak faham. Kalau Hakim tidak boleh campur tangan mengenai Akta Keselamatan kerana Hakim tidak tahu, bagaimana Hakim hendak menjatuhkan hukuman kepada pencuri, bila Hakim turut punggug pencuri, di mana tempat orang mencuri, tetapi kenapa kesalahan mencuri Hakim boleh hukum, kesalahan Akta Keselamatan, Hakim tidak boleh hukum. Sebab itulah ia timbul pertikaian. Akta Keselamatan ini semata-mata Kerajaan mahukan kuasa, bukan mahu menghukum orang salah, mahu kuasa. Kalau mahu menghukum orang salah cukup dengan Hakim, cukup dengan mahkamah. Saya rasa amat terang saya beri penjelasan dan saya berterima kasihlah, mungkin Yang Berhormat mahu saya lebih menjelaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya ia bercanggah dengan keputusan Majlis Belia Malaysia yang telah meluluskan resolusinya pada 28hb Mei 1989 baru-baru ini. Ianya bercanggah dengan keputusan Pemuda UMNO sendiri yang mendesak Kerajaan supaya judi ini diharamkan. Pemuda ini tulang beikang kepada parti, tulang belakang kepada Kerajaan dan keputusan diambil oleh Pemuda. Dahulu saya sudah tanya sekali, siapa dia Kerajaan dan siapa dia UMNO? Kalau UMNO itu Kerajaan, Pemuda desak suruh haram, tentulah kalau Kerajaan itu mewakili UMNO dia mesti haram. Tetapi keputusan parti pun tidak dapat dilaksanakan. Ke manakah pengkalan yang akan dituju oleh Kerajaan melalui parti? Ia juga bercanggah dengan keputusan Peratuan Alim Ulama Malaysia dan beberapa pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan lain serta tokoh-tokoh agama yang mengambil perhatian berat terhadap wabak judi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Majlis Patwa Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam Malaysia baru-baru ini telah mengambil tindakan tegas mengharamkan Al-Quran yang ditulis dalam tulisan rumi. Itu adalah satu tindakan yang baik dan tepat dengan masanya demi untuk menjaga sebarang penyelewengan dan unsur-unsur yang menjejaskan kesucian Al-Quranulkarim, mengapa Kerajaan tidak boleh bertegas dan bertindak sama demi untuk menjaga maruah bangsa dan agamanya dan demi untuk mengelakkan umat Islam seluruhnya dari tercebur diri ke dalam dosa dan maksiat yang disengajakan. Janganlah jadi sebuah kapal yang berlayar dengan tidak ada nakhoda, hanyut tidak tahu pengkalan yang hendak dituju dan tiada matlamat dalam pelayarannya hingga berpuluh-puluh tahun sesat di laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kerajaan biarlah benar-benar bertanggungjawab dan saya minta

Kerajaan supaya untuk meminda sesuatu Akta ataupun untuk membenteng sesuatu Akta hiarlah kalau Akta itu belum ada lagi dan kalau Akta itu menyentuh masalah yang tidak pernah berlaku. Tetapi Akta yang dipinda, Akta yang dibenteng, tiap kali Dewan ini bersidang bukan untuk mewujudkan Akta baru tetapi untuk meminda Akta lama di mana Kerajaan merasa dengan kuasa yang sudah ada ataupun dengan Akta yang sudah diluluskan tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah negara dan sebarang penyelesaian tidak dapat diselesaikan dengan Akta yang telah diluluskan. Tetapi setiap kali saya sarankan dalam Dewan ini dan saya minta supaya Kerajaan wujudkan satu usaha terutama sekali usaha untuk membangunkan insan, membangunkan peribadi ataupun membangunkan umah di sampmg membangunkan rancangan-rancangan Malaysia sebagaimana satu usul yang baru kita luluskan hari ini juga mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Inilah yang saya ingin sampaikan kepada Dewan pada petang ini dan saya kira tidak perlu saya bercakap lebih panjang dan saya merayu kepada Kerajaan supaya jangan berjudi dan bersubahat memberi perlindungan dan melindungi makhluk-makhluk perosak negara, bangsa dan agama. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadang supaya judi dan apa-apa jenis maksiat hendaklah diharamkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.40 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Saya ingin mengambil bahagian untuk membahs Rang Undang-undang yang diberi nama Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953.

Tuan Yang di-Pertua, keinginan saya untuk turut sama mengambil bahagian di atas perbahasan Rang Undang-undang ini ialah kerana ianya membabitkan soal judi. Di awal persidangan Dewan yang mulia ini, saya telah mencuba untuk mengemukakan suatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk meminta supaya Dewan membahaskan suatu cadangan iaitu supaya judi diharamkan. Dan hari ini, Ordinan Pertaruhan ini telah dikemukakan dan kemungkinan pada persidangan Dewan Rakyat akan datang, mengenai dengan Akta Rumah Perjudian Terbuka akan dibentangkan dengan tujuan kononnya untuk mengawal judi, kegiatan judi-haram di negara ini.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak lebih daripada satu silap mata yang hendak diberitahu kepada rakyat bahawa Kerajaan serius terhadap judi tetapi dari segi prinsipnya sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa judi ini adalah sesuatu yang haram di sisi agama. Kenapakah berlakunya wabak judi sekarang ini? Kenapakah judi begitu hebat diperkatakan sekarang ini? Sebenarnya kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga tahun kebelakangan ini, banyak lesen-lesen judi dikeluarkan. Siapakah yang memiliki lesen-lesen judi ini? Siapakah yang menjadi tauke dan siapakah yang mendapat manfaaat daripada hasil meluluskan lesen-lesen judi ini? Dan hari ini kita hendak mengawal judi kononnya pengawalan ini bagi hendak mengatasi masalah judi haram. Tetapi soal pokoknya, selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya ingin mempertahankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan seperti ini tersangat daif dan sementara, kerana masalah sebenarnya tidak diambil perhatian. Pihak Kerajaan nampaknya lebih

berminat untuk menghalalkan semua jenis perjudian dan mencegah segala bentuk perjudian secara haram atau gelap. Kerajaan nampaknya lebih berminat untuk mendapatkan cukai ke atas \$5 bilion setahun sebagaimana diberitahu dalam Dewan yang mulia baru-baru ini hasil daripada perjudian-perjudian yang berlaku dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan seharusnya tidak memikirkan soal tentang cukai semata-mata, kerana kononnya sukarlah hendak mengatasi masalah judi ini, kalau diharam sekalipun, judi itu tetap ada, begitulah hujahnya. Tetapi kita mesti ingat dan kita harus sedar bahawa Malaysia sekarang ini, pada kaca mata negara-negara Islam di Timur Tengah, sudah menjadi sebuah negara "syurga perjudian". Di kalangan negara ASEAN sendiri, Indonesia sebagai contoh sudah mengharamkan kasinonya di Puncak dan saya tidak tengok begitu banyak lesen yang diluluskan oleh Kerajaan Singapura seperti lesen-lesen judi yang ada di negara kita. Begitu juga lain-lain negara ASEAN memang ada mereka mengadakan judi. Negara mereka bukan negara yang dinamakan negara Islam tetapi tidak sebanyak negara kita.

Saya percaya berlakunya masalah wabak ini kerana golongan tertentu sahaja yang mendapat lesen, yang berminat soal judi ini, yang akhirnya bebannya ditanggung oleh rakyat. Rakyat yang derita, yang miskin, betullah segala-galanya kekuatan kepada rohani tetapi soalnya dalam keadaan kemiskinan, kadang-kadang ada terdapat di kalangan rakyat oleh kerana kesempitan hidup, desakan hidup, maka timbullah hayalan, hayalan melalui membeli tiket-tiket loteri, 4 Nombor Ekor dan sebagainya dan bukanlah ini sesuatu yang mengaibkan? Apakah, sejauh

manakah benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan cara ini kita boleh mengawalkan judi? Bagi saya mustahil. Macam itulah juga. Cuma tinggal lagi pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ianya memperbanyakkan lagi kegiatan-kegiatan judi ini. Sebab itu kita mencadangkan judi ini diharamkan. Sepatutnya kita mengadakan suatu Akta mengharamkan judi dan jika ada terdapat judi-judi yang haram, mereka yang terlibat sepatutnya diambil tindakan. Bukan cara hendak mengawal seperti ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sama ada perjudian halal di kacamata Kerajaan ataupun perjudian haram, adakah cukai ke atas perjudian merupakan sumber penting kepada kewangan negara? Saya hendak tanya Timbalan Menteri Kewangan, sejauh mana penting kepada pendapatan negara kalau dari segi sudut cukai, bukan dari segi sudut hukum, sebab kita tahu negara kita ini negara kaya. Di negara kita ini Allah Taala beri macam-macam kemakmuran. Minyak ada, getah ada, kelapa sawit ada, koko ada, serba-serbi ada. Timur Tengah tidak ada apa-apa, minyak sahaja yang ada dan tidak adalah sebanyak mana cukai yang kita ada sekarang ini, tetapi pun kita bergantung kepada cukai judi. Negara yang bukan negara yang dinamakan atas nama negara Islam tidak sebanyak lesen yang kita ada. Ini harus diberi perhatian. Jadi, Kerajaan perlu sedar. Saya katakan judi sebagai contoh di Indonesia, kasino di Puncak sudah diharamkan. Maknanya adalah keinginan, maknanya hendak mengawal judi itu ditutup apa yang ada.

Dahulu, Pergerakan Pemuda UMNO, saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, memang meluluskan satu usul untuk mengharamkan judi maka diambil tindakanlah supaya umat Islam tidak dibenarkan masuk di Genting Highlands tetapi selepas

tindakan itu telah diambil lesen-lesen judi baru diluluskan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri Kewangan, senaraikan lesen-lesen judi yang diluluskan pada tahun 1987/1988 dan sebelumnya iaitu selepas usul diluluskan supaya malah Genting Highlands itu ditutup dan diharamkan sama sekali dari segi kegiatan judi. Kerajaan Malaysia bukan sahaja tidak menutup kasino sebaliknya memperkaya dan mempelbagaikan lagi perjudian di negara ini. Selaras dengan rancaknya penswastan maka perjudian pun turut diswastakan seperti Sport Toto dan lain-lain.

Sports Toto dahulu kalau tidak silap saya kononnya untuk menolong mencari pendapatan kepada kegiatan ahli-ahli sukan. Akhirnya Sport Toto itu diswastakan dan dipelbagaikan lagi dan caranya diswastakan pula diberi kepada segolongan orang dan orang ini diberikan milik saham-saham tertentu. Sesudah dapat milik tersebut, baru pergi bagi "listing", dengan izin, di Bursa Saham Kuala Lumpur dan buat untung lagi.

Saya difahamkan orang yang sama juga diberi lesen yang baru pula dan yang menanggungnya rakyat, yang menanggungnya imej, maruah negara yang kita harap dapat diperbaiki, mendapat penghormatan bukan sahaja dari segi sudut agama tetapi juga kita dengar ada pemimpin-pemimpin bercakap, negara yang bermoral, negara yang berakhlak, negara yang baik, negara yang bersih dan kita cuba tunjukkan dengan kekayaan yang kita ada, kita boleh mentadbir dengan baik dan selain daripada itu kita tidak payah bergantung kepada cukai daripada judi, maka sudah barang tentulah ini yang dikatakan konsep sebuah masyarakat negara bermartabat lebih-lebih lagi sebagai sebuah negara Islam. Akhirnya perjudian menyerkup imej keislaman.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini sekali gus menenggelamkan dasar penerapan nilai Islam yang dilaungkan oleh Kerajaan. Kerajaan tidak berdaya mempelbagaikan imej keislaman negara sebaliknya mempelbagaikan bentuk kegiatan judi.

Negara kita kaya dengan perjudian, iaitu Loteri Kebajikan Masyarakat yang disebut oleh Ahh Parlimen dari Pengkatan Chepa, Loteri Big Sweep, Loteri Sweep Stake, Lumba Kuda, Empat Nombor Ekor, 4-D Sabah, kononnya diluluskan di Sabah, Kerajaan tidak boleh kawal, kononnya kerana lulusannya di Sabah, tetapi saya difahamkan tiket loteri 4-D Sabah ini pun ada dijual di Semenanjung. Tiga Nombor Ekor, Sports Toto, Ascot Sport, Judi Lumba Kuda, Anjing Luar Negeri, Mesin Slot, Kasino Genting Highlands dan loteri kutip derma persatuan dan sebagainya. Ini sampingan yang tadi, jadi kalau kita kira semua jenis judi yang ada, waktu dan hari untuk perjudian telah diperpanjangkan dan ditambah oleh Kerajaan melalui kelulusan lesen-lesen ini. Akhirnya penjudi boleh berjudi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, 365 hari setahun, any time, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Berapakah jumlah cukai yang Kerajaan perolehi dari semua jenis perjudian di negara ini, dan pada tahun 1987 dan 1988 berapakah sumbangan mengikut pecahan dari segi segala jenis perjudian ini? Berapakah anggaran untuk tahun 1989 ini dan berapakah Kerajaan akan memperolehi cukai kalau diluluskan, menghalalkan judi-judi yang kita maksudkan ini, yang beria sangat, yang kita menyebut \$5 billion, kegiatan judi di negara ini? Berapa banyak sangat cukai daripada hasil ini sampai kepada cukai judi, sampai kepada parking kereta 40 sen sejam. Cuba kita fikir tidak malukah kita sebagai sebuah negara yang saya

hairannya ada orang bercakap negara bermaruah, negara berakhlak, negara bermoral.

Saya hendak bertanya Badan Perunding Islam apa buat? Saya hendak bertanya Majlis Syura apa buat dalam soal seperti ini—betul kadang-kadang kita tidak berkemampuan, kita sendiri tidak boleh membuat keputusan seorang diri, memang kita tahu, tetapi sekurang-kurangnya dari segi prinsip, sikap sebagai seorang pemimpin dengan izin, a matter of principle, sekurang-kurangnya atau sifat itu sekurang-kurangnya, kalau tidak boleh pun mengisytiharkan diri dengan tegas, bahawasanya kita tidak bersetuju dengan apa yang sedang berlaku sekarang ini—sekurang-kurangnya. Begitu juga saya hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak lebih sekadar untuk hendak mendaftarkan pendirian saya sebagai seorang Islam, walaupun saya mengakui bercakap soal ini yang hubungkaitnya dari segi agama, tetapi tidaklah seorang yang mengaji di Al-Azhar, bukanlah mengaji di Darul-Ulum.

Saya hanya tahu dari segi agama, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui sekadar fardhu ain yang diajarkan oleh ibu bapa saya untuk beramal ibadat, tetapi sedikit sebanyak Allah s.w.t. memberi kesedaran, meneropong kerana kecintaan kita, kesedaran kita, kasih kita kepada agama yang kita dokong bersama lebih-lebih lagi ada hubungkait dengan pembinaan masyarakat dan negara kita, sebab itu saya bertanya kepada mereka yang bertanggungjawab ini sekurang-kurang mengeluarkan panduan. Kalau dahulu ada isu-isu yang lebih kecil daripada ini belum menyertai Kerajaan melenting, maka kita pun turut sokonglah, di atas kesedaran, di atas keyakinan bahawa itu suatu perjuangan yang sebenar-benarnya, dilahirkan di atas keinsafan dan kesedaran sebagai seorang pemimpin untuk membawa suatu

wadah perjuangan dalam menegakkan Hukum Syarie di negara ini sekurang-kurangnya—itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak harus memikirkan perjudian ini sebagai sumber wang penting negara, tak usahlah banyak lagi sumber-sumber lain, minyak, emas pula sudah dijumpai, emas ini sudah dijumpai kerana kesan-kesan buruk yang timbul darinya, lagi pun negara kita sudah cukup kaya dengan sumber-sumber alam yang dibekalkan oleh Allah s.w.t. Bagaimana sebuah negara yang kaya dengan sumber alam seperti kita ini masih mengharapkan perjudian sebagai sumber penting kewangan negara? Selama ini kita bangga sebagai negara yang kaya dengan sumber alam di Asia Tenggara, tetapi di negara-negara miskin dengan sumber alam itu tidak menjadikan perjudian sebagai sumber penting kewangan mereka. Itulah suatu keanihan kepada negara kita, semuanya mahu kaya termasuk penjudi-penjudi dan berapa banyak bentuk syarat kita buat pun macam lesen slot, saya ditahamkan akan dinaikkan dia punya syarat-syaratnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu oleh kerana yang membentangkan Undang-undang ini ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dengan izin, I mind you, sejauh mana, seberapa banyak syarat dikenakan taukeh judi boleh memenuhi syarat tersebut. Naiklah pertaruhan \$5,000, naiklah \$10,000, naiklah \$30,000 pun kerana memang sumber perjudian ini membawa hasil yang lumayan. Buatlah berapa banyak syarat kerana syarat itu mustahil dapat mengatasi masalah wabak judi negara ini. Ini saya kemukakan dengan penuh keikhlasan, dengan penuh tanggungjawab sekurang-kurangnya mendapat perhatian.

Saya hendak mendesak dari segi prinsip hendak minta haramkan dan

lesen-lesen yang baru dilulus dalam tahun 1987, 1988 sebelum ini selepas Usul Pergerakan Pemuda UMNO, kalau betul-betul ikhlas, jujur, tegas terhadap dasar "Penerapan Nilai-nilai Islam" tarik balik lesen tersebut, sebab orang-orang tertentu sahaja, segelintir sahaja yang kita tahu, yang memiliki saham dalam syarikat-syarikat tersebut, small numbers, dengan izin. Yang menjadi pening kepala seluruh rakyat di kawasan saya Pasir Mas bukan apa, tetapi politik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi ke kampung-kampung, bila masuk ke kawasan memang dibangkit oleh orang-orang kampung sebab orang tengok Loteri Kebajikan Masyarakat, dan sekarang di kedai ada tergantung Big Sweep, Sweep Stake, 4-D Sabah "bertembek" di kedai-kedai. "Bertembek" itu maknanya tergantung-gantung di kedai-kedai. Ini saya pun tidak tahu maksudnya yang disebut oleh orang kampung, dia kata "tengok ini apa?" dengan publisitinya, dengan poster, hadiah-hadiah bukankah itu memalukan?

Saya mengatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, penjudi telah menemui syurga perjudian di negara ini dengan bantuan Kerajaan. Mereka boleh berjudi selama 24 jam sehari, di Kasino Genting Highlands, boleh beli tiket Ascot Sport 6 kali dalam seminggu, Sports Toto dua kali seminggu, Empat Nombor Ekor tiga kali seminggu, Lumba Kuda dua kali seminggu, Loteri Kebajikan Masyarakat tiga kali dalam masa dua bulan. Itu saya kata 365 hari setahun. Ini dia yang berlaku dan ada orang bercakap negara bermoral dan berakhlak.

Adakah pertumbuhan perjudian ini untuk diselaraskan dengan kempen mengenalkan Malaysia yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan? Hendak imbang ini "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam" ini jangan takut, sebab dahpada Dasar Penerapan Nilai

Islam ini don't worry, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita ada pula dasar judi—minyak dan air tidak bercampur. Adakah itu dasarnya atau ianya sebagai suatu langkah iklan kepada pelancong atau negara luar supaya tidak perlu bimbang dengan Dasar Penerapan Nilai Islam negara ini. Adakah Kerajaan mahu menjual Malaysia kepada pelancong sebagai syurga perjudian "next come" Malaysia itu macam-macam? Adakah ini pun menyaingi imej negara tertentu di rantau ini yang sering dikaitkan dengan soal sex ataupun macam-macam dalam soal menarik pelancongan ke negara-negara tersebut.

Kerajaan perlu sensitif dengan pandangan anggota masyarakat berhubung dengan soal ini, semua pandangan tersebut bukanlah menyokong usaha Kerajaan untuk mengetatkan lagi lesen-lesen perjudian, sebaliknya menggesa Kerajaan supaya menghapuskan perjudian di negara ini. Semua pandangan tersebut lahir dari keinsafan bahawa perjudian itu sama ada secara halal atau sebaliknya semata-mata menyumbang kepada suasana negatif kepada masyarakat seluruhnya.

Majlis Belia Malaysia yang mewakili badan-badan belia di negara ini, saya mengucapkan tahniah kerana telah meluluskan resolusinya pada 28hb Mei, 1989 iaitu "menggesa Kerajaan supaya mengharamkan perjudian", sekurang-kurangnya diregisterkan bahawa masyarakat belia negara kita ini yang mempunyai inspirasi, yang mengharapkan suatu halatuju negara yang lebih baik pada masa akan datang sudah pun meregister, dengan izin, bahawa mereka mahu perjudian itu diharamkan, berapa buah badan-badan yang bergabung?

Saya ucapkan tahniah sekurang-kurangnya itu pendirian jelas dengan sikap itu. Persatuan Ulama Malaysia dengan lebih tegas lagi

menyatakan pendirian yang sama, berapa harakah Islamiah serta alim ulama dengan tegas menuntut pengharaman ke atas perjudian, pertubuhan sosial, pertubuhan pelajar, FOMCA, GAPENA, tokoh-tokoh masyarakat dan pemimpin-pemimpin politik menyatakan pendirian yang sama. Saya percaya di kalangan rakan-rakan di dalam Kerajaan pun ada yang tidak bersetuju, saya percaya kenapa boleh buat. Jadi, saya perlu sebut pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Profesor DiRaja Ungku Aziz buat kenyataan, saya baca dalam akhbar *Utusan Malaysia*, menghujahkan soal aspek, kita perlu beri lesen, selepas itu kita kawal, selepas itu ada hukuman, dan inilah cara kita hendak mengawal, Orang tidak bersetuju, tidak kuat hujah itu, tidak boleh diterima hujah itu. Mustahil, ianya membiakkan lagi perjudian itu. Jadi, oleh kerana kepentingan golongan-golongan tertentu semata-mata.

Oleh itu langkah yang paling tepat dilakukan oleh Kerajaan bukanlah setakat memperketatkan dalam meluluskan lesen-lesen atau meningkatkan penalti-penalti seperti pindaan ini, tetapi menghapuskan sepenuhnya jenis perjudian ini. Semua jenis perjudian yang telah ada sudah cukup menimbulkan masalah negatif yang tidak baik kepada masyarakat.

Buat penutup, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kata Allah taala: Mereka akan bertanya kepadamu dari hal arak dan judi. Katakanlah, dua perkara itu ada dua dosa yang besar dan ada beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaat keduanya. Marilah kita mengambil iktibar daripada peringatan ini dan saranan ini adalah untuk kebaikan masyarakat dan negara dan demi kebaikan negara kita yang kita hendak lahirkan sebagai sebuah negara yang bermoral dan berakhlak.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, atas dasar prinsip, kalau saya menyokong Rang Undang-undang ini bererti saya bersetuju menghalalkan judi. Maka dengan sebab itu, dengan tegas saya menolak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

6.02 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang dinamakan Akta Per-taruhan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 Akta ini mengesyorkan ditambahkan hukuman dalam membantu mengendalikannya loteri awam. Saya bercadang hukuman penjara dengan minimum sebulan sebagai penghalang atau, dengan izin, deterrent. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, ia mungkin bermakna penjara satu hari.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membuat komen mengenai polisi umumnya. Pada pendapat saya Kerajaan sedang menggalakkan perjudian dalam bentuk loteri awam. Kita mempunyai Loteri Kebajikan Sosial yang membayar \$1.5 juta sebagai hadiah pertama. Kita tidak menyangkal hakikat ini kerana hasil yang diperolehi disalurkan kepada menyediakan perkhidmatan kebajikan sosial. Tetapi sekarang kita ada Big Sweep yang membayar hadiah \$3 juta; Sabah Sweep Stake yang memberi hadiah \$2 juta dan lain-lain "sweep" lagi. Mereka menyapu (sweep) ke seluruh pelusuk negara, menyapu keluar apa-apa wang yang suri rumahtangga ada untuk membeli makanan, elaun kanak-kanak, wang hiburan para pekerja. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, this is sweeping the length and breadth of the whole

country, sweeping away children pocket money and sweeping away the workers' leisure and entertainment money. Tuan Yang di-Pertua, sedikit demi sedikit ia telah merebak menjadi satu penyakit di kalangan rakyat kita. Ia menjadi lebih teruk, to make matters worst, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita ada 4 Ekor dari Magnum Sports Toto dengan berbagai cara perjudian seperti 3 Ekor, 2 Ekor dan 1 Ekor dan lain-lain lagi. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Mana ada 1 Ekor!

Puan Ling Chooi Sieng: Ada, kalau kita tanya daripada loteri haram, Tuan Yang di-Pertua. Dia wujud di mana-mana . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Kluang. Yang 1 Ekor itu macam mana? (*Ketawa*)

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang saya tahu 3 Ekor . . .

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Dia kata ada 3-4 Ekor, 1 Ekor pun ada, minta dia jelaskan lebih teliti lagi apa jenisnya 1 Ekor itu?

Yang kedua, apabila Yang Berhormat menyebut Magnum menjalankan 4 Ekor, 3 Ekor; saya nampak isi kandungan Yang Berhormat itu berucap menghentam Kerajaan untuk menggalakkan perjudian tetapi ini menunjuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, rakan sendiri. Adakah Syarikat Magnum ini berkaitan dengan MCA di mana MCA pun adalah satu badan untuk menggalakkan perjudian?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu 1 Ekor yang dijalankan secara haram kerana saya tahu digit 1 sampai 12 dianggapkan sebagai 1 Ekor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Pinji, lesen itu dikeluarkan daripada Kerajaan. Saya ingat kalau DAP mahu, dia pun boleh memohon lesen itu dan barangkali DAP diberi lesen itu. Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat, dia tidak puas hati.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan minta lesen diberi kepada DAP atau kepada MCA. DAP tak mahu, DAP tolak, Semangat 46 pun tolak juga, PAS pun tolak juga. Sesiapa yang mempunyai hasrat yang baik pun tolak juga, tetapi pastilah MCA hendak terima kerana keperluannya untuk menjalankan kegiatannya, membazirkan hak sendirinya untuk kepentingan dirinya, perlulah diterima lesen itu. Adakah ini benar atau tidak? Adakah tokoh-tokoh, pemimpin-pemimpin seperti pemimpin-pemimpin MCA ada berkaitan dengan Magnum di mana Magnum itu adalah satu badan perjudian?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya MCA tidak mempunyai saham di dalam Magnum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung, Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ampang Jaya hendak tanya.

Tuan Ong Tee Keat: Minta jalan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): MCA tanya.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ditujukan kepada Yang Berhormat dari Kluang. Adakah beliau sedar bahawa ada sesetengah orang politik khususnya yang melaung-laungkan slogan anti perjudian dan menolak perjudian pada bibir mulutnya, tetapi pada hakikatnya mereka ini pada pengetahuan saya ada kebanyakannya penjudi. bukan sahaja menjudi tetapi kaki judi, tahi judi! (*Tepuk*) Apakah Yang Berhormat dari Kluang bersetuju atau tidak?

Soalan yang kedua, inipun berkisar pada pemilikan sama ada MCA memiliki sebarang saham dalam Magnum atau tidak. Adakah Yang Berhormat dari Kluang sedar atau tidak, setakat ini MCA tidak memiliki satu sen saham pun dalam Magnum yang tersebut. Ini bermakna bahawa MCA memang tidak mempunyai sebarang hubungkait secara langsung dengan Magnum atau aktiviti-aktiviti perjudiannya. Sekian.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ampang Jaya itu. kedua-duanya saya bersetuju (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Lagi seorang ahli MCA. Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun pula.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan atau sedikit rahsia yang mungkin tidak ada orang yang tahu bahawa walaupun nampaknya Yang Berhormat dari Pasir Pinji menyatakan bahawa MCA lah yang mengambil kesempatan untuk mcnggalakkan perjudian oleh kerana MCA mempunyai MAGNUM. Selain daripada apa yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya, saya ingin memberitahu bahawa ada pun pemimpin DAP yang datang jumpa saya minta saya tolong memberi satu lesen judi, lesen slot mesin dan sebagainya. Adakah ini benar? Tetapi saya tidak ingin menyehut nama pemimpin-pemimp DAP yang datang jumpa saya dan saya mintalah mereka jangan bising sangat, nanti saya akan bongkar ini di dalam suratkhabar.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sebut ada ahli DAP yang meminta lesen slot mesin dan dia tidak sebutkan nama di sini, mungkin perkara itu diisytiharkan olehnya sendiri. Kalau itu benar saya jemput dia menyuarakan di luar Parlimen im di mana orang-orang yang terlibat itu boleh mempertahankan diri. Apa yang saya sebut tadi adakah pucuk pimpinan MCA, sama ada dengan secara berkumpulan ataupun perseorangan terlibat di dalam kegiatan untuk menggalakkan perjudian, itu soalan saya, bukan MCA mempunyai saham, orang perasingan itu ada atau tidak, adakah pucuk pimpinan MCA itu boleh guarantee di sini bahawa ia tidak mempunyai satu pun saham juga?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apa baiknya jikalau saya bongkarkan ataupun sebutkan nama pemimpin DAP yang datang jumpa saya untuk minta lesen oleh kerana orang itu tentulah tidak mengakui.

Tidak ada baiknya untuk saya membongkarkannya. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan bahawa jikalau negara kita pada satu hari mengharamkan aktiviti judi tentulah MCA melepaskan lesen MAGNUM itu. Apa salah jikalau semua orang memancing ikan di dalam sungai itu jika tidak dikatakan haram, apa salahnya MCA mempunyai satu lesen, mungkin DAP jikalau pada ketika itu ingin menjalankan perniagaan ini tentulah DAP pun memohon, tetapi DAP tidak ada chance untuk mendapat satu lesen oleh kerana itu di katakan "the fruit is sour", dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang, teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kedua-dua ada berdialog di dalam Dewan yang mulia ini, tidak payahlah saya menjawab, izinkan saya menyambung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pasal hari ini tidak ada soal jawab Yang Berhormat, sebab itu mereka berdialog.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, perjudian ini telah membangkitkan naluri perjudian rakyat, kita juga telah mewujudkan satu nilai sosial yang mengharamkan keuntungan mudah dan cepat,—"*we are stirring up the gambling instinct of our people and are creating a sosial value of hoping to achieve easy game*", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya menghukum mereka yang mengendalikan loteri haram tidak bermaksud menghapuskan perjudian sama sekali, is seolah-olah untuk melindungi monopoli mereka yang berupaya dan bernasib baik kerana mempunyai lesen, dengan izin, hence we punish the illegal lotery operators, not to stamp out or wipe out gambling

but to protect the monopoly of those who are privileged to be licensed. Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan rakyat kita. . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

Puan Ling Chooi Sieng: Tidak berji jalan, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk berucap. Demi kepentingan rakyat kita dan kanak-kanak kita, saya menyeru Kerajaan menghentikan kesemua loteri awam yang berlesen yang bertujuan utama memperolehi keuntungan, dengan izin, stop all these licensed public lotteries whose main aim is to profiteer only. Itu tidak termasuk Loteri Kebajikan Sosial, Tuan Yang di-Pertua. Memulihkan semula nilai-nilai tradisi lama kita yang menyatakan bahawa keuntungan datang dari kerja tekun dan bukan dari perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan saya memohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Oaud): Yang Berhormat dari Kampar.

6.16 ptg.

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953. Tadi saya ada dengar Timbalan Menteri Kewangan mengeluarkan satu rahsia yang dikatakan oleh beliau tadi iaitu ada pemimpin-pemimpin DAP yang memohon lesen perjudian dari beliau. Saya ingin bertanya, pertama, adakah beliau berkuasa mengeluarkan lesen-lesen beliaukah atau Menteri

Kewangan? Kedua, kalau ada pemimpin DAP yang meminta lesen dari beliau bolehkah beliau berikan nama siapa di luar Dewan atau di Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa masa menjawab nanti boteh gulung, kita kena habiskan perkara ini hari ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Rang Undang-undang ini selain daripada melanjutkan takrif-takrif kepada beberapa perkataan-perkataan tertentu, meminda Seksyen 4 Ordinan supaya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu meliputi juga pusat maklumat pertaruhan dan juga meminda seksyen-seksyen lain supaya meningkatkan penalti-penalti maksimum termasuk hukuman penjara mandatory. Walaupun Kerajaan mengambil tindakan ini yang seolah-olahnya untuk menyekat perjudian, tetapi saya kurang yakin dan tidak percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai kejujuran untuk menyekat dan akhirnya menghapuskan segala kegiatan perjudian yang ada disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini di Dewan yang mulia ini, iaitu Kerajaan berhasrat pada akhirnya menghapuskan segala perjudian. Tetapi cuba kita meneliti pada hari ini berapakah bentuk kegiatan perjudian yang terdapat di negara ini yang dilesenkan oleh Kerajaan Barisan Nasional baru-baru ini. Cuba saya memberi bentuk-bentuk yang boleh didapati di dalam negara hari ini segala kegiatan perjudian yang dilesenkan oleh Kerajaan, iaitu Kasino di Genting Highlands dan Kerajaan akan membelanjakan \$600 juta untuk membina satu lebuh raya dari Genting Highlands ke Cameron Highlands. Adakah ini bertujuan untuk memudahkan lagi rakyat jelata

di negara kita menaiki Genting Highlands dan menjalankan kegiatan perjudian?

Kedua, lumba kuda tempatan, itu pun tidak cukup, lagi ada Ascot Off-course Betting, dengan izin, 7 hari seminggu boleh berjudi, dan lesen ini pun baru-baru dikeluarkan dan juga ada 3 Nombor Ekor, 4 Nombor Ekor, MAGNUM, 4 Nombor Ekor di Sabah dan 3 Nombor Ekor di Sabah juga, dan kini Loteri Kebajikan Sosial setiap keping loteri boleh berjudi dua kali dan harganya pun dinaikkan.

Inilah semua fesyen-fesyen baru yang diciptakan oleh pengusaha-pengusaha yang dilesenkan oleh Kerajaan. Baru-baru ini juga ada Big Sweep, Sweep Stake, Sports Toto dan lain-lain bentuk yang boleh kita kira perjudian yang terdapat di negara kita hari ini. Adakah ini dasar penerapan nilai universal ataupun nilai Islam dalam segala urusan Kerajaan? Pada hemat saya Kerajaan Barisan Nasional bukan berhasrat menyekat kegiatan perjudian tetapi berhasrat mewujudkan satu budaya perjudian di kalangan masyarakat kita. Bukan sahaja Kerajaan menghalalkan perjudian-perjudian dari segi undang-undang, tetapi membenarkan mereka mengiklankan melalui pelbagai media massa seperti Sports Toto untuk menarik lebih banyak rakyat Malaysia berkecimpung diri dalam perjudian ini. Di sebelah pihak Kerajaan menghalalkan perjudian dengan memperlesenkan kegiatan-kegiatan haram ini dan di sebelah lain Kerajaan meningkatkan hukuman yang lebih berat terhadap kegiatan haram ini. Manakah kejujuran Kerajaan dalam penyekatan dan menghapuskan kegiatan perjudian? Apakah niat Kerajaan? Kemungkinan besar pembentangan Rang Undang-undang, ini mempunyai undang di sebalik batu. Adakah melalui undang-undang ini Kerajaan dapat membantu pengusaha-pengusaha perjudian untuk mendapat lebih banyak lagi keuntungan?

Dengan perkembangan bidang perjudian di negara kita baru-baru ini saya terpaksa memikirkan adakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutamanya pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin-pemimpin MCA mempunyai kepentingan, baik secara langsung ataupun melalui sanak saudara mereka ataupun melalui syarikat nominee yang memegang kepentingan dalam syarikat-syarikat perjudian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Timbalan Menteri Kewangan memberitahu adakah itu benar? Sebuah syarikat yang diberi lesen untuk menjalankan Tiga Nombor Ekor, namanya ialah Usaha Tegas Sendirian Berhad menjalankan kegiatan perjudian Tiga Nombor Ekor dan kononnya syarikat ini dipunyai 100% oleh sebuah syarikat British, namanya Sports & Lottery System Limited. Sports & Lottery System Limited ini dipunyai 100% oleh dua orang rakyat Amerika Syarikat, nama mereka adalah seperti berikut, iaitu Norman J. Singer dari Denver, Colorado; yang seorang lain itu bernama Leonard D. Pickett dari Tulsa, Oklahoma. Saya juga difahami kedua-dua orang ini adalah nominee seorang rakyat negara kita bernama Encik Ananda Krishnan, seorang Pengarah Petronas-Bank Negara dan Encik Ananda Krishnan ini adalah seorang pedagang minyak antarabangsa. Beliau tiada apa-apa pelaburan di dalam negara ini, kecuali dalam bidang perjudian ini. Dan saya juga difahami Syarikat Tegas Sendirian Berhad ini akan diberi lesen tidak lama lagi untuk menjalankan Empat Nombor Ekor dan orang yang bernama Ananda Krishnan ini bukan sahaja ada kepentingan dalam Tegas Sendirian Berhad ini, beliau juga mengawal (control) Pan Malaysia Sweep Sendirian Berhad, sebuah syarikat yang menjalankan loteri Big Sweep yang pada hari ini menjual lebih kurang 8-10 juta keping loteri tiap-tiap cabutan yang berharga \$2 sekeping tiket, iaitu tidak kurang daripada \$18 juta tiap-tiap cabutan. Siapakah Encik Ananda Krishnan

ini yang boleh dapat kedudukan yang istimewa ini? Adakah beliau ini ada pertalian yang karib dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, terutamanya UMNO, MCA ataupun MIC? Itu saya ingin tahu, saya ingin dapat jawapan yang jelas daripada Kementerian Kewangan.

Selain daripada contoh yang diberi oleh saya sebentar tadi itu saya ingin tahu juga siapakah pemilik lesen Sports Toto, apakah perhubungan pemilik lesen Sports Toto ini dengan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional, terutama UMNO, MCA dan MIC. Juga Escort yang menjalankan perjudian Off Course Betting dari lumba kuda daripada United Kingdom yang boleh disiarkan langsung dari United Kingdom ke Lembah Kelang ini. Siapakah pemilik-pemilik lesen ini dan apakah hubungan mereka dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional?

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berasa sangsi dan was-was atas kejujuran Kerajaan dalam penyekatan kegiatan perjudian. Dengan pembentangan Rang Undang-undang ini hanya memanfaatkan pengusaha-pengusaha perjudian yang berlesen dan tidak mengatasi masalah perjudian dari puncunya. Segala kenyataan dan penjelasan yang akan diberi oleh Kerajaan tentang perjudian ini hanya merupakan satu muslihat yang semata-mata untuk memperdayakan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal, lepas daripada ini saya menjemput Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat dari Nibong Tebal, panjangkah?

6.25 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tidak panjang. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap banyak terima kasih

kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tadi saya mendengar seorang Yang Berhormat yang bandingkan makanan babi dengan perjudian. Jadi saya haraplah kedua-dua perkara ini tidak disamakan kerana sekiranya perjudian diharamkan, ada sebahagian orang Tionghua yang menentang tetapi pun ada sebahagian yang menyokong. Tetapi sekiranya makanan babi ini diharamkan, jadi semua orang Tionghua yang bukan beragama Islam sudah tentu menentang dan saya haraplah keterangan ini diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tertarik oleh penjelasan yang diberi oleh salah seorang Timbalan Menten Kewangan semasa soal-jawab ketika disoal tentang tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen untuk perjudian . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal, nanti sekejap, penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Sedikit sahaja, sama ada makan babi ini, kalau saya tidak salah Yang Berhormat telah sebut, makan babi adalah untuk menyatupadukan orang Cina, "Che ge chu ro ke ye twan chu wa", adakah ini benar.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ketika saya bercakap harga babi jatuh dan di satu jamuan makan malam, saya sebagai satu jokelah, menggalakkan orang Tionghua makan lebih babi dengan harapan harga babi boleh naik.

Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata bahawa tujuan Kerajaan keluaran lesen bukan dengan tujuan mendapat keuntungan tetapi untuk mengawal

dan saya sokong Kerajaan atas ini kerana perjudian susahlah dihapuskan sama sekali, lebih baik dilesenkan, lebih baik dijalankan secara terbuka dengan itu pihak yang berkuasa dapat mengawal dengan berkesan. Oleh yang demikian saya tentulah sokong cadangan Rang Undang-undang ini memberi lebih kuasa kepada Kerajaan supaya bertindak sekeras-kerasnya terhadap jenis-jenis perjudian yang tidak berlesen,

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di samping itu saya rasa bimbang sedikit sama ada Kerajaan sedang menggunakan kuasa di tangannya untuk mengawal perjudian yang saya lihat dan kita telah pun mendengar beberapa Ahli Yang Berhormat yang sebutkan nampaknya macam-macam perjudian dilesenkan, nampaknya jenis-jenis perjudian ditambahkan dan di samping itu jenis-jenis perjudian berjalan lebih kerap kali misalnya Empat Nombor Ekor lebih banyak kali, Tiga Nombor Ekor lebih kali, dahulu ada On Course Betting, sekarang ada Off Course Betting, macam-macam berjalan sekarang sehingga Ahli-ahli Yang Berhormat menganggap wabak perjudian telah meletus di negara kita.

Oleh yang demikian saya menyeru kepada Kerajaan supaya menggunakan kuasa ini untuk mengawal perjudian, mengurangkan perjudian, menghadkan perjudian dan suatu hari nanti boleh hapuskan. Jangan biarkan perjudian ini menjadi "free for all" dan berjalan dengan tanpa control. Oleh yang demikian saya hendak syorkan kepada Kerajaan meneliti berapa kali Empat Nombor Ekor atau Tiga Nombor Ekor, berapa kali dijalankan seminggu dan Off Course Betting berapa kali dijalankan, On Course Betting berapa kali dijalankan, Loteri berapa kali dijalankan dengan tujuan mengurangkan banyak kali ia berjalan. Sekiranya Kerajaan berbuat demikian

tentulah Kerajaan. menjalankan fungsi yang diterangkan oleh salah seorang Timbalan Menteri iaitu kita lesenkan bukan untuk pendapatan, untuk keuntungan tetapi untuk mengawal dan kalau dilesenkan lebih senang dikawal. Inilah sedikit pandangan saya sekali lagi saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangun empat kali masih tidak dapat peluang. Ahli Yang Berhormat dari Kluang baru masuk sudah tangkap mata Tuan Speaker. Belum duduk selama lima minit, mana ada adil macam ini. Saya minta Tuan Speaker beri peluang berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri lima minit.

Tuan Hu Sepang: Lima minit mana ada cukup? (*Ketawa*) Sebab saya hendak bincang dari aspek sosial.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap Yang Berhormat, saya yang pendekkan tadi, oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat itu telahdiulang-ulangkan.

Tuan Hu Sepang: Ya, ini aspek sosial, tidak ada orang sebut langsung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri lima minit.

Tuan Hu Sepang: Bagaimana boleh beri satu ucapan dalam lima minit, mesti mahu cakap dengan cara spontan. Saya mintalah Tuan Speaker beri peluang kepada saya. Perjudian

memang ada kalah menang, nampaknya saya belum dapat peluang main sudah kalah. (*Ketawa*) Langsung tidak dapat peluang berucap. Apa yang saya minta bukan lima minit, beri peluang saya habiskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay Yang Berhormat, jangan buang masa.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang ini bukan dari aspek undang-undang oleh kerana dari segi undang-undang, isi kandungan Rang Undang-undang ini tidak ada banyak kontroversi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibentangkan minggu dulu. Dan saya pun tidak bercadang membincang dari segi aspek agama, sebab saya bukan seorang Ustaz. Apa saya ingin cuba bangkit ialah dari aspek sosial.

Pada asasnya saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini perjudian adalah suatu kegiatan yang buruk. Saya percaya semua Ahli-ahli yang berada di dalam Dewan ini akan bersetuju dengan saya dan hasrat Kerajaan untuk membanteraskan kegiatan judi ini adalah satu langkah yang sungguh baik dan patut dialu-alukan. Tetapi apa yang membuat saya bimbang ialah bagaimana nanti undang-undang ini akan diimplementasikan. Sebenarnya yang menjadi pokok hujah saya ialah apakah pihak Kerajaan yang dikuasai oleh Barisan Nasional sekarang ini benar-benar ikhlas dalam membanteraskan kegiatan judi atau lebih kenal perjudian. Selepas kita membaca Rang Undang-undang ini keseluruhannya jelaslah kepada kita bahawa tujuan Kerajaan kita sekarang ini adalah sama sekali bukan mahu membanteraskan perjudian tetapi adalah mementingkan cukai yang akan dipungut nanti dari rumah perjudian yang berlesen. Sudah tentu apabila

"bookie" atau rumah perjudian yang tidak berlesen tidak lagi berani untuk menjalankan kegiatan mereka disebabkan penalti ke atas kegiatan ini telah dinaikkan, orang-orang yang mahu berjudi dapat memilih untuk terus berjudi di tempat-tempat yang berlesen.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat dari Rasah, ini Akta Rumah Perjudian atau Ordinan Pertamahan.

Tuan Hu Sepang: Ordinan Pertaruhan sama juga dengan perjudian. Jadi, saya haraplah Ahli sahabat saya dari Pasir Mas jangan buang masa saya.

Pendek kata, Tuan Speaker, dengan menyekat judi haram, pihak Kerajaan berharap bahawa orang ramai yang berjudi akan berpusu-pusu ke tempat judi halal dan sudah tentu cukai yang dapat dipungut nanti akan berganda-ganda. Cuba kita lihat, Tuan Speaker, kalau dahulunya permainan judi Empat Ekor yang dijalankan oleh Magnum Corporation adalah dua hari pada seminggu, tetapi selepas beberapa tahun ini judi Empat Ekor ini telah ditambah satu hari lagi menjadi tiga hari iaitu setiap hari Isnin, Khamis dan Sabtu. Judi berlesen tidak haram yang kedua terbesar di negara kita ialah Toto. Kalau dahulunya permainan judi ini hanya mempunyai dua cara permainan iaitu 4.49 dan 5.49 tetapi sekarang ini sudah ditambah tidak kurang dari lima lagi cara permainan atau lebih tepat dipanggil cabutan. Antaranya ialah 6.49, 4.10, 5.10, 6.10 dan yang satu lagi ialah sama seperti judi Empat Ekor yang popular di kalangan rakyat Malaysia iaitu Toto Super Four. Dan judi yang dijalankan oleh Syarikat ini ialah pada setiap hari Khamis dan Ahad. Dan apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi saya tidak bercadang mengulangi di sini.

Yang saya ingin hendak tanya ialah siapa yang tidak tertarik dengan hadiah berjuta-juta ringgit yang ditawarkan oleh bermacam-macam loteri? Kalau hadiahnya \$10 atau \$20 mungkin tidak semua orang yang berminat atau tertarik tetapi ini berjuta-juta ringgit, Orang-orang yang kaya sekali pun akan tertarik untuk mencuba nasib mereka untuk memenangi hadiah besar yang ditawarkan ini walaupun mereka sedar bahawa peluang untuk memenangnya hadiah ini adalah satu dalam beberapa juta. Inilah yang benar-benar boleh dikatakan judi, Tetapi ini bukan jenis judi haram kepada Kerajaan kita. Ini adalah kerana judi ini berlesen dan dihalalkan oleh Kerajaan kita. Kalau tidak haram maka jadi halal. Ini pendapat saya.

Selain judi-judi yang disebut tadi ada lagi beberapa judi yang tidak kurang hebat seperti Tiga Nombor Ekor Lumba Kuda yang ditaja oleh Pan Malaysian Push, Tuan Speaker, termasuk Off Course Betting. Inilah judi besar yang mendapat sambutan orang ramai termasuk juga Ahli-ahli Parlimen kita baik dari Pembangkang mahupun dari Penyokong Barisan Nasional. Hampir setiap hari ada jenis judi yang boleh dimainkan oleh kita tidak kira orang miskin atau kaya kerana ada sahaja judi yang berlesen sedang berjalan pada hari-hari ini. Hadiah yang ditawarkan adalah dijadikan bertambah-tambah menarik setiap masa supaya menarik minat rakyat kita termasuk anak-anak kita yang baru membesar untuk berjudi. Inilah yang patut dibanteras dahulu. Judi beginilah yang akan membuat jenerasi-jenerasi kita terdorong ke jalan yang tidak sihat dan menjadi tahi judi. Tetapi untuk meredakan sungutan orang ramai yang memikirkan supaya perjudian di negara kita diharamkan. Kerajaan telah bermain wayang dengan bertindak merampas mesin-mesin slot sahaja, seolah-olah pihak Kerajaan tidak nampak judi-judi yang begitu

besar ini yang kesannya saya percaya telah menyebabkan sampai ada orang yang menjadi gila dan dihantar ke Tanjong Rambutan, sampai ada yang memukul isteri, sampai yang ada membunuh orang dan tidak kurang pula sampai meminum cuka getah. Kita tidak mahu nanti negara kita ini menjadi judi sebagai budayanya.

Tuan Yang di-Pertua, penalti yang akan dikenakan akan membawa kesan yang buruk. Saya bimbang juga. Sekarang ini pun kuasa menangkap dan penalti sudah diperuntukkan di dalam Akta lama. Tetapi yang kita semua tahu kegiatan judi haram seperti Tiga Ekor dan sebagainya, masih luas dan dijalankan dengan terang dan tidak begitu rahsia. Saya percaya orang ramai tahu di mana boleh tikam ekor dan siapakah runner ekor ini. Saya percaya pihak-pihak Polis sendiri pun tahu dan juga anggota Poiis di kawasan-kawasan berkenaan pun tahu di mana boleh tikam ekor. Dan saya percaya juga ada anggota-anggota Poiis pun ada menikam ekor haram ini. Ini bukan rahsia lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini berlaku selepas ada Akta Perjudian ini. Saya sendiri pun susah hendak faham. Saya cuma boleh meneka sahaja bahawa mungkin Polis ini ada menerima apa-apa bayaran bulanan ataupun, dengan izin, on the take, dari booky yang menjalankan kegiatan-kegiatan judi seperti ini. Bagaimana pula dengan bayaran bulanan selepas penalti ke atas Rang Undang-undang ini ditambah. Sudah tentulah Polis-polis "on the take" ini akan mendesak ditambah bayaran bulanan "on the take" ini. Inilah kemungkinan yang akan berlaku kerana bayaran "on the take" akan bertambah lumayan dan ini akan menarik minat Polis-polis yang tidak "on the take" supaya menjadi "on the take" sekarang.

Saya juga ambil kesempatan ini, Tuan Speaker, untuk menyeru kepada pihak Kerajaan supaya menghormati

adat resam kaum-kaum yang berbilang bangsa di negara kita ini. Pihak Kerajaan saya percaya sedar akan adat-adat kaum-kaum di negara kita ini. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan juga mengambil kira memberi sedikit kelonggaran seperti berikut. Pada perayaan Tahun Baru Cina adalah menjadi adat dan kebiasaan kepada kaum berbangsa Cina bermain judi seperti pakau, mahjung dan sebagainya pada petang menjelang Tahun Baru mereka. Dan untuk mahjung, saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ia merupakan satu permainan muhibbah yang dimainkan oleh semua kaum khususnya di estet-estet apabila mereka telah menamat kerja mereka dan di dalam tempoh rehat. Ini sudah menjadi kebiasaan kaum Cina sejak dahulu-dahulu lagi. Mereka ini bermain judi begini di kalangan kaum keluarga sendiri dan sahabat handai sahaja di rumah mereka. Maksud mereka permainan bukanlah untuk menang atau kalah, tetapi sekadar meramalkan nasib untuk mereka pada tahun yang menjelang. Jika mereka menang, anggapan mereka ialah tahun menjelang itu adaiah tahun yang berluah bagi mereka dan sebaliknya jika mereka kalah, ini akan bermakna nasib untuk mereka adalah kurang baik. Permainan judi seperti begini hanya dimainkan pada hari-hari tertentu sahaja. Apa yang saya ingin mendapat penjelasan ialah adakah pemain-pemain ini dianggap sudah bermain judi dan boleh disabit dengan akta ini? Atau mereka ini akan dianggap satu permainan suka-sukaan sahaja dan apakah rumah mereka yang digunakan untuk permainan judi seperti ini akan digolongkan sebagai rumah perjudian dan boleh disabitkan dengan akta ini?

Ini adalah satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita semua ketahui amalan-amalan seperti begini yang sudah dianggap adat dan kebiasaan juga diamalkan oleh kaum-kaum lain seperti semasa ada majlis

perkahwinan, kematian dan hari-hari tertentu kaum-kaum tersebut. Saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil kira memberi kelonggaran kepada amalan-amalan yang dikira adat dan kebiasaan sesuatu kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah bezanya judi seperti Nombor Ekor dan sebagainya yang dijalankan oleh syarikat yang berlesen dengan yang tidak berlesen ataupun yang memohon lesen tetapi tidak dapat dan seterusnya menjalankan kegiatan-kegiatan ini? Kesemuanya adalah perjudian dan kesemuanya menimbulkan kesan buruk yang sama.

Kalau benar pihak Kerajaan mahu judi-judi begini wujud, maka pihak Kerajaan harus berlaku adil dengan melesenkan semua bopkie gelap dan bukan memberi lesen kepada satu-dua syarikat sahaja untuk memonopoli perniagaan judi ini. Kalau pihak Kerajaan tidak mahu memberi lesen kepada bookie gelap atas alasan bahawa pihak Kerajaan tidak mahu menggalakkan terlalu banyak perjudian, maka pihak Kerajaan tidak harus membenarkan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan judi ini menambahkan bilangan hari cabutan nombor atau bilangan hari judi mereka dan tidak harus membenarkan syarikat-syarikat ini menambahkan jenis judi mereka dan juga tidak harus membenarkan syarikat-syarikat ini membuka lebih banyak cawangan-cawangan mereka sehingga ke ceruk rantau dan menambahkan lagi bilangan ejen-ejen mereka sepertimana yang berlaku sekarang. Ini baru patut dan baru betul.

Saya boleh katakan di sini bahawa Ordinan (Pindaan) ini bukanlah satu Akta atau satu tindakan yang boleh memberikan apa-apa manfaat kepada rakyat atau boleh menyekat pertumbuhan perjudian, tetapi Akta ini adalah lebih bermaksud membantu tauke-tauke judi yang berlesen

menjadi lebih kaya dan untuk memenuhi peti-peti wang pihak Kerajaan tidak kira dari mana wang itu datang.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Kementerian Kewangan, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Ahli Yang Berhormat dari Keluang, Ahli Yang Berhormat dari Kampar, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Ahli Yang Berhormat dari Rasah dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini telah memberikan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang bernas dan membina bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas, yang lebih berkesan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan judi dan pertaruhan haram di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan dan mencadangkan bahawa aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan judi seharusnya diharamkan sama sekali di dalam negara kita ini, sebahagian Ahli-ahli

Yang Berhormat telah berucap memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan dan memang menyuarakan beberapa pendapat yang mereka bimbang apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan diimplementasikan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, suka saya bagi pihak Kerajaan menyatakan bahawa negara kita ini adalah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan. Memanglah kita semua tahu bahawa kegiatan-kegiatan judi baik secara haram mahupun secara sah adalah kegiatan yang tidak baik bagi rakyat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, it is the nature of human beings, bahawa sebahagian daripada manusia berminat untuk berjudi supaya mereka dari semasa ke semasa ingin, dengan izin, to take a chance, dan oleh kerana itu pada harapan Kerajaan, pada pandangan Kerajaan, yang penting sekali bukanlah soal sama ada lebih baik pihak Kerajaan mengharamkan kegiatan judi. sama sekali di dalam negara kita ini, tetapi yang penting sekali ialah jika tiap-tiap rakyat di dalam negara kita ini tidak berminat untuk berjudi, maka semua kegiatan perjudian dalam negara kita ini tidak payah diharamkan oleh Kerajaan dan tidak ada sesuatu pihak yang akan menjalankan perniagaan judi di dalam negara kita ini yang dapat hidup.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa oleh kerana Kerajaan memandangkan bahawa negara kita ini adalah negara yang berbilang kaum, yang demokratik dan Kerajaan sedar bahawa it is the nature of human beings, bahawa sebahagian rakyat suka berjudi dan apabila Kerajaan mengharamkan kegiatan perjudian di dalam negara kita ini, Kerajaan yakin bahawa tindakan begitu tidak dapat menghapuskan kegiatan perjudian

sama sekali dalam negara kita ini—dengan mengharamkan perjudian.

Oleh kerana ini serta juga alasan-alasan yang telah saya berikan pada peringkat awal-awal tadi apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa Kerajaan telah menerima banyak saranan dan seruan-seruan daripada semua pihak kerana mereka bimbang bahawa negara kita ini telah menjadi sebuah negara yang masyhur dalam aktiviti perjudian, oleh sebab itulah Kerajaan melalui Kementerian Kewangan pada hari ini membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini iaitu Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989 dengan harapan bahawa aktiviti perjudian dapat dikurangkan pada satu tahap yang rendah sekali iaitu dengan meningkatkan penalti-penalti yang akan dikenakan kepada pihak-pihak yang menjalankan kegiatan judi yang haram.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Daripada jawapan Timbalan Menteri menyatakan bahawa banyak orang menjalankan judi yang haram itu dan Kerajaan patutlah mengadakan akta untuk mengawal kegiatan perjudian yang haram tetapi perjudian yang halal itu tidak diharamkan. Dan kalau teori ini boleh didirikan dengan sendirinya, adakah Kerajaan bercadang untuk, dengan izin, legalisekan pelacur-pelacur di negara ini di mana ada banyak orang juga suka mencari pelacur. Adakah Kerajaan hendak membuat satu enekman atau akta untuk melegalisekan prostitute ini, kalau teori itu boleh dipakai.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa tidak ada kemungkinan yang pada suatu hari nanti Kerajaan mungkin berbuat demikian. Ini

terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak kata ini tidak ada kemungkinan bahawa ini adalah isu yang berlainan. Tetapi atas isu ini, saya tidak faham apa yang tlikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa mengapa Kerajaan tidak mengambil langkah mengharamkan. Dengan adanya Akta Pertaruhan 1953 aktiviti-aktiviti perjudian yang haram adalah diharamkan, dan tidak sah dari segi law dalam negara kita ini. Dan apabila Kerajaan nampak bahawa penalti-penalti yang sedia ada di bawah Ordinan Pertaruhan 1953 adalah tidak cukup untuk mengawal situasi atau keadaan perjudian haram di dalam negara kita ini khasnya apabila negara jiran kita Smgapura telah memperketatkan penalti-penalti mereka atas aktiviti-aktiviti perjudian yang haram dalam negara Singapura. Nampaknya ada banyak aktiviti yang tidak sihat, yang haram masuk ke negeri Johor dalam negara kita untuk menjalankan aktiviti atau kegiatan supaya mereka boleh meliputi negara Singapura. Dengan ini adalah sesuai untuk negara kita meningkatkan penalti di bawah Akta ini supaya keadaan ini dapat dikawal.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kampar bangun.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Selepas mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu yang membandingkan keadaan Malaysia dengan Singapura. Adakah Singapura ini mengeluarkan lesen-lesen untuk menghalalkan sebarang kegiatan perjudian di Singapura dan selain dari itu negara kita Malaysia ini baru-baru ini telah mengeluarkan banyak lesen-lesen untuk berjudi.

Yang kedua, kalau berjudi ini haram, dan perjudian halal, apakah

perbezaannya. Hanya lesen sahaja, kegiatan itu masih serupa. Jadi, haram-halal itu hanya untuk membantu pengusaha-pengusaha perjudian halal yang diisytiharkan oleh Kerajaan itu mengutip lebih keuntungan sahaja.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini tidak ingin membahaskan dengan Ahli Yang Berhormat bahawa mengapa Kerajaan mengatakan sebahagian aktiviti perjudian itu haram, sebahagian halal dari segi Islam. Tetapi Kerajaan hanya katakan bahawa aktiviti-aktiviti perjudian yang tidak diberikan lesen itu adalah perjudian yang haram. Hanya sebahagian syarikat yang diberikan lesen itu menjalankan aktiviti perjudian adalah tidak haram. Dan dengan itu Kerajaan dapat mengutip cukai daripada mereka apabila Kerajaan nampaknya jikalau mengharamkan sama sekali aktiviti-aktiviti perjudian dalam negara ini tidak akan menolong oleh kerana aktiviti-aktiviti yang haram underground akan bertambah. Inilah satu masalah, satu situasi

Tuan Ngoi Thiam Woh; (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Beri habiskan ayat itu dulu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya baru bermula untuk menggulung dan menjawab, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sabar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan bahawa memperketatkan penalti-penalti yang sedia ada di bawah Ordinan Pertaruhan 1953 negara kita akan dapat

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kampar bangun.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Penjelasan. Apa yang disyorkan, oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, iaitu adakah hasrat Kerajaan untuk menghapuskan perkara kegiatan perjudian yang tidak sah. Kalau begitu senang sahaja, lesenkan semua kegiatan perjudian ini, beri mereka lesen, semua sudah boleh jadi sah dari segi undang-undang. Jadi, Kerajaan tidak ada apa-apa tindakan yang boleh diambil lagi, lebih senang, ttdak ada perjudian haram, tidak ada kegiatan haram. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengesyorkan bahawa semua kegiatan perjudian boleh dilesenkan oleh Kementerian apabila mereka mengemukakan permohonan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apakah Ahli Yang Berhormat itu mahu daripada Kerajaan. Apabila Kerajaan memberi beberapa lesen kepada syarikat untuk mereka menjalankan perniagaan atau aktiviti perjudian, pihak parti Pembangkang mengatakan keadaan ini tidak sihat kepada rakyat negara kita ini. Sekarang Yang Berhormat dari Kampar mengesyorkan bahawa jikalau Kerajaan hendak menghapuskan semua aktiviti haram, berikan lesen kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti haram itu. Kalau benar-benar syor Ahli Yang Berhormat dari Kampar ini, mungkin Kerajaan akan memberi perhatian.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti.

Dato' Loke Yuen Yow: Itu sahajalah oleh kerana masa tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membahas di sini

Tuan Lau Dak Kee: Dia minta (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Itu tidak berkaitan dengan penjelasan untuk saya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau dia gentleman

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh kata begitu Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pasai ini tidak akan habis.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Yang Berhormat itu tidak menjelaskannya

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Itu bukan syor saya, ini telah diputar-belitkan! Ini tidak bertanggungjawab.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menimbulkan soal jumlah hasil dan lesen perjudian yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Sebenarnya Kerajaan telah mengeluarkan lesen judi ini bukanlah dari segi untuk mendapatkan lebih pendapatan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal tetapi semata-mata dari segi untuk mengawal kegiatan judi haram. Hasil dari lesen perjudian hanya sebanyak .06% sahaja dari hasil keseluruhan negara.

Berhubung dengan jenis-jenis lesen yang dikeluarkan apabila ianya dikeluarkan, jawapan ini telah pun pernah saya terangkan atau berikan dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak ingin mengulanginya lagi.

Yang Berhormat dari Keluang telah mencadangkan supaya dihentikan pengeluaran lesen bagi loteri awam yang tidak ada hubungan dengan

kebijakan. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan sememangnya meluluskan lesen loteri awam hanya kepada persatuan atau pertubuhan yang menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya sahaja dan bukanlah kepada sesuatu pihak atau syarikat yang mendapati kepentingan atau keuntungan untuk diri sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal membangkitkan berkenaan tindakan kawalan perjudian, kebetulan pula ia telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan. Dewan yang mulia ini telah pun dimaklumkan dalam sesi yang lepas berkenaan dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengawal perjudian. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi. Rang Undang-undang yang dibentangkan merupakan satu langkah kawalan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan saya ingin di sini menyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sememangnya serius dalam langkah mengawal perjudian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Loke Yuen Yow: Sila.

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa Timbalan Menteri Kewangan tidak payah mengulang-ulang lagi mengatakan Kerajaan cuba mencuba untuk mengurangkan judi-judi haram. Satu cara sahaja, senang. Haramkan semua judi. Di mana semua perjudian yang ada berlesen itu dibatalkan. Kalau lumba kuda itu dibatalkan, tidak ada Off-course Betting lagi, judi haram itu habislah. Kalau lesen Magnum dibatalkan, 3 ekor, 4 ekor tidak ada lagi. Mana ada judi haram lagi? Tidak ada lagi. Oleh kerana itu semua judi-judi yang berlesen itu dibatalkan, maka

masalah itu selesai dengan mudahnya. Mengapa Kerajaan tidak buat begitu?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak faham bahawa walau pun Kerajaan mengharamkan semua aktiviti perjudian di dalam negara kita ini, aktiviti haram itu tidak dapat dihapuskan sama sekali. Saya bagi contoh bahawa negara kita ini telah menjatuhkan hukuman mati—gantung kepada orang-orang yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dadah tetapi sampai hari ini masih ada orang yang melibatkan diri dalam aktiviti ini.

Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa apabila Kerajaan tahu bahawa dengan mengharamkan aktiviti ini, Kerajaan tidak dapat menghapuskan sama sekali

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow:jadi lebih baik untuk Kerajaan memberi lesen kepada sebahagian syarikat supaya orang yang suka berjudi itu pergi ke sana berjudi dan di samping itu Kerajaan dapat cukai daripada mereka dan dengan demikian Kerajaan dapat mengawal keadaan perjudian di dalam negara kita ini. Ini adalah satu langkah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa, saya tidak ingin berbahas lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Beri atau tidak? Kalau beri, boleh pakai.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: sebenarnya kalau kita teruskan perbahasan ini kita tidak akan sampai ke satu tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat dari Nibong Tebal pula bangun.

Dato' Loke Yuen Yow: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, isu perjudian dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru. Ini telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada sesi ini dan juga sesi-sesi yang lepas. Kerajaan telah memberi penjelasan dan juga pendirian dari masa ke semasa dalam Dewan yang mulia ini. Penjelasan-penjelasan yang saya berikan tadi hanyalah merupakan tambahan kepada apa yang telah dinyatakan oleh Kerajaan.

Sekali lagi saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan harapan bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal bangun, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan.

.dengan harapan bahawa Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, Kerajaan akan dapat mengawal situasi dengan lebih berkesan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.16 malam.